



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA



PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN
AGENSI NEGERI SERTA PENG AUDITAN PEMATUHAN
JABATAN NEGERI


PERLIS

Tahun 2020

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



ISSN 2811-4116



9 7 7 2 8 1 1 4 1 1 0 0 9

Untuk maklumat selanjutnya sila hubungi:

Ketua Audit Negara
Jabatan Audit Negara Malaysia
Blok F2 & F3, Kompleks F
Lebuh Perdana Timur, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62000 Putrajaya
MALAYSIA

Laman web: <https://www.audit.gov.my>
Emel: jbaudit@audit.gov.my
Tel: 603-8091 1000
Faks: 603-8091 1454

Dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat pada 2 Disember 2021

Hak Cipta Terpelihara ©

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan dan disimpan di dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Urus Setia Jabatan Audit Negara Malaysia.



Dicetak Oleh
Percetakan Nasional Malaysia Berhad
Kuala Lumpur, 2021

Laman web: www.printnasional.com.my
Emel: cservice@printnasional.com.my
Tel: 603-9236 6895
Faks: 603-9222 4773



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN
AGENSI NEGERI SERTA PENGAUDITAN PEMATUHAN
JABATAN NEGERI

PERLIS

Tahun 2020

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



KANDUNGAN

KANDUNGAN

PENDAHULUAN	vii
BAHAGIAN I	
PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PERLIS	
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020	
Ringkasan Eksekutif	3
Pendahuluan	5
Objektif dan Metodologi Pengauditan	6
Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020	7
BAHAGIAN II	
ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI	
Ringkasan Eksekutif	11
Latar Belakang	13
Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri	13
Penyata Prestasi Kewangan	13
Kumpulan Wang Disatukan	15
Wang Awam	17
Akaun Hasil Disatukan	18
Akaun Pinjaman Disatukan	28
Akaun Amanah Disatukan	28
Penyata Akaun Memorandum	45
Nota Kepada Penyata Kewangan	49
Rumusan Audit	52
Syor Audit	53
BAHAGIAN III	
PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI	
Ringkasan Eksekutif	57
Pendahuluan	59
Pengauditan Penyata Kewangan	59
Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan	60
Pemakaian Piawaian Perakaunan	61
Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan	61
Pembentangan Penyata Kewangan	65
Analisis Prestasi Kewangan	66
Rumusan Audit	66
Syor Audit	66

BAHAGIAN IV

PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN NEGERI

Ringkasan Eksekutif	71
Pengenalan	73
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis	
1. Kutipan Hasil Bayaran Nikah, Cerai dan Rujuk	77
2. Terimaan Akaun Amanah Pendidikan Islam Negeri Perlis	85
3. Terimaan Akaun Amanah Pemantapan Pentadbiran Keluarga Islam Perlis	93
Jabatan Kerja Raya Negeri Perlis	
4. Perolehan Perkhidmatan Penasihat Teknikal Program Perlis Marathon Tahun 2020	99

BAHAGIAN V

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Aktiviti Jabatan/Agenzi serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri	111
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri	111
PENUTUP	115

LAMPIRAN

Lampiran I	-	Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri	119
Lampiran II	-	Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri	123
Lampiran III	-	Penyata Kedudukan Kewangan	124
Lampiran IV	-	Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai	125
Lampiran V	-	Penyata Prestasi Kewangan	126
Lampiran VI	-	Penyata Akaun Memorandum	127
Lampiran VII	-	Nota Kepada Penyata Kewangan	128

AKRONIM	143
----------------	------------



PENDAHULUAN

PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan/Negeri/Agensi dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Bagi Laporan berkaitan dengan sesuatu negeri, ia hendaklah dikemukakan kepada Sultan/Raja/Yang Dipertua Negeri masing-masing untuk dibentang di hadapan Dewan Undangan Negeri. Bagi Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Negeri Perlis, selepas dibentangkan di Dewan Rakyat, ia akan dikemukakan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis yang akan memperkenan Laporan itu untuk dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri Perlis.
2. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Perlis Tahun 2020 serta Pengauditan Pematuhan ini mengandungi perkara seperti berikut:
 - i. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri;
 - ii. Analisis Kewangan Kerajaan Negeri;
 - iii. Penyerahan, Pengesahan, Pembentangan Penyata Kewangan dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri;
 - iv. Pengauditan Pematuhan; dan
 - v. Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara dan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri.
3. Laporan ini disediakan hasil daripada pengauditan yang dijalankan di Jabatan Perbendaharaan Negeri dan beberapa jabatan/agensi negeri sepanjang tahun 2020. Bagi tujuan pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis Tahun 2020, pengauditan terhadap sistem perakaunan serta dokumen yang berkaitan dengan terimaan dan bayaran telah dijalankan di Jabatan Perbendaharaan Negeri.
4. Pengauditan dijalankan bertujuan untuk memberikan pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan dijalankan dengan berpandukan kepada Akta Audit 1957, piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI).

5. Laporan pada kali ini turut mengandungi perenggan yang berkaitan dengan pengauditan pematuhan. Pengauditan pematuhan terhadap jabatan/agensi negeri bertujuan untuk memastikan pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa serta rekod kewangan berkaitan diselenggara dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan ini dilaksana berdasarkan ISSAI 4000 dan 4100. Pengauditan pematuhan menggunakan pendekatan 3P1K, iaitu mengenal pasti elemen pembaziran, pemborosan, pembayaran tidak teratur dan kerugian wang awam.

6. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua pegawai jabatan/agensi negeri Perlis yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada pegawai saya yang telah bekerja keras serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini di sebalik kekangan yang timbul akibat pandemik Covid-19 yang melanda negara pada tahun 2020 sehingga 2021.



(DATUK NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya

22 November 2021



BAHAGIAN I

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PERLIS

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020

BAHAGIAN I

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PERLIS BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Seksyen 16(1), Akta Tatacara Kewangan 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan penyata kewangan tahunan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis disediakan oleh Pegawai Kewangan Negeri berdasarkan asas perakaunan tunai ubah suai.
- Penyata ini yang melaporkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Perlis tahun 2020 mengandungi Laporan Bendahari Negeri, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum serta Nota Kepada Penyata Kewangan.
- Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis dilaksanakan selaras dengan Seksyen 5 (1)(a) Akta Audit 1957 yang menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit akaun Persekutuan dan negeri.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata tersebut menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.
- Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan berdasarkan The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) dan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri.

Apa yang ditemui Audit?

Secara keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Perlis bagi tahun berakhir 31 Disember 2020. Rekod perakaunannya juga telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.

- **Hal-hal Lain**

Kerajaan Negeri Perlis hendaklah memastikan Penyata Terimaan dan Bayaran Akaun Amanah Pendidikan Islam Negeri Perlis dan Akaun Amanah Pemantapan Pentadbiran Keluarga Islam Perlis disediakan dengan teratur bagi perkara berikut:

- semua transaksi terimaan dan perbelanjaan hendaklah direkodkan dengan betul dan lengkap tanpa ketinggalan dalam tahun kewangan semasa;
- menambah baik kawalan dalaman dan menyediakan prosedur operasi standard bagi tatacara terimaan dan perbelanjaan akaun amanah selaras dengan arahan amanah serta peraturan kewangan yang berkuat kuasa; dan
- menjalankan siasatan terhadap ketidakakuratan pengendalian terimaan dan bayaran akaun amanah serta memastikan tindakan pembetulan dilaksanakan dengan segera.

BAHAGIAN I

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PERLIS BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

FAKTA UTAMA

01.01.2020 - 31.12.2020 Tahun kewangan Kerajaan negeri	31 Julai 2021 Tarikh akhir penyerahan penyata kewangan untuk diaudit	5 Januari 2021 Tarikh penyerahan sebenar penyata kewangan untuk diaudit
Komponen Penyata Kewangan	<ul style="list-style-type: none">• Penyata Kedudukan Kewangan• Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai• Penyata Prestasi Kewangan• Penyata Akaun Memorandum• Nota Kepada Penyata Kewangan	
Jenis Pendapat Audit	Pendapat Tanpa Teguran dengan perenggan Hal-hal Lain	

1. PENDAHULUAN

1.1. Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan penyata kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh tujuh bulan selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9, Akta Audit 1957.

1.2. Selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, YB Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 kepada Jabatan Audit Negara pada **5 Januari 2021**. Penyata ini melaporkan semua urus niaga kewangan asas tunai bagi tahun 2020 berkaitan dengan sumber dan penggunaan wang awam. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis mengandungi Laporan Bendahari Negeri, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

1.3. Penyata Kedudukan Kewangan menunjukkan pegangan Wang Awam Kerajaan terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Selaras dengan asas perakaunan tunai ubah suai yang diguna pakai oleh Kerajaan negeri, hanya pelaburan yang dipegang bagi maksud amanah tertentu dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Pelaburan lain pula dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

1.4. Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan aliran masuk dan aliran keluar tunai dan kesetaraan tunai bagi tahun 2020. Aliran Tunai Masuk terdiri daripada hasil, pinjaman, penerimaan modal dan penerimaan lain seperti terimaan amanah. Aliran Tunai Keluar pula adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan, bayaran balik pinjaman dalam negeri dan bayaran amanah.

1.5. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebihan atau kurangan hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana dalam Pinjaman, Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah.

1.6. Penyata Akaun Memorandum adalah akaun yang menunjukkan kedudukan aset kewangan dan liabiliti Kerajaan negeri. Aset Kerajaan negeri terdiri daripada Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan. Liabiliti Kerajaan negeri pula terdiri daripada Hutang Awam iaitu pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan.

1.7. Nota Kepada Penyata Kewangan memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai jumlah yang ditunjukkan dalam penyata kewangan dan juga maklumat tambahan seperti peristiwa yang berlaku selepas tarikh Penyata Kedudukan Kewangan dan angka perbandingan.

2. OBJEKTIF DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

2.1. Pengauditian terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata ini menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2.2. Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen (pengauditan interim) dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2020. Pemerhatian Audit mengenainya telah dibangkitkan dengan pihak Perbendaharaan Negeri Perlis dan jabatan-jabatan negeri yang berkenaan sebaik sahaja pengauditan selesai dijalankan.

2.3. Semakan dan analisis dibuat terhadap rekod kewangan, data Sistem Perakaunan Akruan Kerajaan Negeri (iSPEKS) yang dijalankan dengan menggunakan perisian audit (ACL) di Ibu Pejabat Perbendaharan Negeri, Pusat Tanggungjawab dan Pusat Pemungut. Perbincangan dan temu bual serta lawatan fizikal bersama dengan pegawai turut dilaksanakan semasa pengauditan.

2.4. Mesyuarat Penutup bersama YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis dan ketua-ketua jabatan negeri telah diadakan pada **29 Jun 2021**.

3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI PERLIS BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

3.1. Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis telah dilaksana berdasarkan Akta Audit 1957 dan The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) 1000. Akta dan piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara.

3.2. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam persembahan penyata kewangan. Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis pada tahun 2020 adalah selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan. **Pada pendapat Audit, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis secara keseluruhannya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.**

3.2.1. Hal-hal Lain

- a. Kerajaan Negeri Perlis hendaklah memastikan Penyata Terimaan dan Bayaran Akaun Amanah Pendidikan Islam Negeri Perlis dan Akaun Amanah Pemantapan Pentadbiran Keluarga Islam Perlis disediakan dengan teratur bagi perkara berikut:
- i. semua transaksi terimaan dan perbelanjaan hendaklah direkodkan dengan betul dan lengkap tanpa ketinggalan dalam tahun kewangan semasa;
 - ii. menambah baik kawalan dalaman dan menyediakan prosedur operasi standard bagi tatacara terimaan dan perbelanjaan akaun amanah selaras dengan arahan amanah serta peraturan kewangan yang berkuat kuasa; dan
 - iii. menjalankan siasatan terhadap ketidakakuratan pengendalian terimaan dan bayaran akaun amanah serta memastikan tindakan pembetulan dilaksanakan dengan segera.

3.3. Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis yang disertakan bersama dengan Penyataan Pegawai Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan adalah seperti di **Lampiran I** hingga **Lampiran VII**.



BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis, juga membuat analisis terhadap kedudukan kewangan Kerajaan negeri. Analisis Audit merangkumi perkara mengenai trend dan kedudukan kewangan, wang tunai, pelaburan, hasil, perbelanjaan mengurus, amanah, pinjaman dan hutang Kerajaan negeri.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Analisis yang dijalankan bertujuan untuk menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri Perlis secara menyeluruh pada akhir tahun 2020, di samping dapat membantu kerajaan negeri memperkuuh prestasi kewangannya pada tahun akan datang.

Apa yang ditemui Audit?

- Analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan negeri adalah stabil. Baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2020 adalah berjumlah RM67.12 juta, iaitu meningkat sebanyak RM21.74 juta (47.9%) berbanding RM45.38 juta pada akhir tahun 2019.
- Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2020 menunjukkan defisit semasa berjumlah RM18.99 juta. Defisit pada tahun 2020 meningkat sebanyak RM17.74 juta berbanding defisit RM1.25 juta pada tahun 2019.
- Kutipan hasil pada tahun 2020 menurun sebanyak RM37.59 juta atau 24.8% menjadi RM113.70 juta. Bagaimanapun perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan menurun sebanyak RM29.89 juta menjadi RM175.99 juta.
- Prestasi perbelanjaan dan pelaksanaan projek pembangunan Kerajaan negeri di bawah RMKe-11 pada tahun 2020 adalah sangat baik, iaitu sejumlah RM43.30 juta (96.6%) telah dibelanjakan berbanding RM44.84 juta yang diperuntukkan. Daripada 693 jumlah projek yang dirancang, 684 projek atau 98.7% telah

disiapkan sepenuhnya, enam projek atau 0.9% sedang dilaksanakan dan tiga atau 0.4% projek yang ditangguhkan.

- Baki Pinjaman Boleh Dituntut menurun sebanyak RM1.68 juta atau 1.5% daripada RM108.93 juta pada tahun 2019 kepada RM107.25 juta pada tahun 2020. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut meningkat sebanyak RM3.32 juta atau 3.8% daripada RM87.85 juta pada tahun 2019 kepada RM91.17 juta pada tahun 2020.
- Jumlah Hutang Awam meningkat sebanyak RM11.32 juta atau 4.2% menjadi RM279.34 juta berbanding RM268.02 juta pada tahun 2019. Tunggakan bayaran balik Hutang Awam oleh Kerajaan negeri meningkat sebanyak RM1.08 juta atau 0.6% menjadi RM182.55 juta berbanding RM181.47 juta pada tahun 2019.

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

FAKTA UTAMA		
PRESTASI KEWANGAN	KUMPULAN WANG DISATUKAN	AKAUN MEMORANDUM
↓ HASIL	↓ AKAUN HASIL DISATUKAN	↓ PINJAMAN BOLEH DITUNTUT
2020 - RM113.70 juta	2020 - (RM473.86 juta)	2020 - RM107.25 juta
2019 - RM151.29 juta	2019 - (RM454.87 juta)	2019 - RM108.93 juta
↓ BELANJA	AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	PELABURAN
2020 - RM175.99 juta	2020 - RM0	2020 - RM0
2019 - RM205.88 juta	2019 - RM0	2019 - RM0
	↑ AKAUN AMANAH DISATUKAN	↑ HUTANG AWAM
	2020 - RM540.98 juta	2020 - RM279.34 juta
	2019 - RM500.25 juta	2019 - RM268.02 juta

1. LATAR BELAKANG

Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis Tahun 2020, juga membuat analisis terhadap data kewangan bagi menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan negeri. Analisis yang dijalankan adalah berdasarkan kepada Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan serta maklumat kewangan yang berkaitan.

2. KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kewangan Kerajaan negeri ini menunjukkan pegangan Wang Awam di bawah Kumpulan Wang Disatukan. Wang Awam terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

3. PENYATA PRESTASI KEWANGAN

3.1. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebihan atau kurangan keseluruhan hasil berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana bagi Pinjaman Dalam Negeri, Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta Perubahan Tunai dan Amanah.

3.2. Pada tahun 2020, Penyata Prestasi Kewangan mencatatkan defisit berjumlah RM62.29 juta, peningkatan sebanyak RM7.70 juta atau 14.1%, berbanding defisit RM54.59 juta pada tahun 2019. Hasil Kerajaan negeri berjumlah RM113.70 juta, manakala perbelanjaan mengurus dan pembangunan berjumlah RM175.99 juta. Hasil Kerajaan negeri menurun sejumlah RM37.59 juta atau 24.8%, berbanding RM151.29 juta pada tahun 2019. Perbelanjaan mengurus pula menunjukkan penurunan sebanyak RM19.85 juta atau 13% menjadi RM132.69 juta pada tahun 2020 berbanding RM152.54 juta pada tahun 2019. Perbelanjaan pembangunan juga menurun sebanyak RM10.04 juta atau 18.8% menjadi RM43.30 juta pada tahun 2020 berbanding RM53.34 juta pada tahun 2019.

3.3. Kerajaan negeri menampung defisit tersebut menerusi terimaan Geran Pemberian Tahap Pembangunan, Ekonomi dan Kesejahteraan Hidup daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM28.12 juta; Pemberian Pertambahan Hasil Bahagian II berjumlah RM14 juta; Pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM15.80 juta; terimaan Ansuran Perumahan Awam dan Jualan Perumahan Awam Kos Rendah berjumlah RM0.78 juta; serta perubahan dalam Wang Tunai dan Kumpulan Wang Amanah yang keseluruhannya berjumlah RM3.59 juta. Kedudukan Penyata Prestasi Kewangan pada akhir tahun 2019 dan 2020 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
KEDUDUKAN PENYATA PRESTASI KEWANGAN
PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Hasil	113.70	151.29	(37.59)	(24.8)
Perbelanjaan Mengurus	132.69	152.54	(19.85)	(13.0)
Perbelanjaan Pembangunan	43.30	53.34	(10.04)	(18.8)
DEFISIT	(62.29)	(54.59)	(7.70)	(14.1)
Kurangan dibiayai oleh:				
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	58.70	62.09	(3.39)	(5.5)
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah	3.59	(7.50)	11.09	(147.9)
JUMLAH	62.29	54.59	7.70	14.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

4. KUMPULAN WANG DISATUKAN

4.1. Kumpulan Wang Disatukan terdiri daripada tiga akaun, iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan, baki Kumpulan Wang Disatukan pada 31 Disember 2020 adalah berjumlah RM67.12 juta. Jumlah tersebut terdiri daripada aset berbentuk Wang Tunai berjumlah RM67.12 juta. Pada tahun 2020, Kumpulan Wang Disatukan mencatat peningkatan sebanyak RM21.74 juta atau 47.9% berbanding RM45.38 juta pada tahun 2019. Peningkatan ini disebabkan oleh Akaun Amanah Disatukan memperoleh lebihan berjumlah RM40.73 juta pada tahun 2020 yang terdiri daripada lebihan Kumpulan Wang Pembangunan, Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan dan Kumpulan Wang Amanah Awam. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2019 dan 2020 adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN
PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BIL.	BUTIRAN	2020	2019	PERUBAHAN	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Hasil Disatukan	(473.86)	(454.87)	(18.99)	4.2
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	0.00	0
	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	540.98	500.25	40.73	8.1
	<i>i)</i> <i>Kumpulan Wang Amanah Kerajaan:</i>				
	<i>Kumpulan Wang Pembangunan</i>	35.78	20.38	15.4	75.6
3.	<i>Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air</i>	0.00	0.00	0.00	0
	<i>Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>	405.72	389.81	15.91	4.1
	<i>ii)</i> <i>Kumpulan Wang Amanah Awam</i>	45.70	32.50	13.20	40.6
	<i>iii) Akaun Wang Deposit</i>	53.78	57.56	(3.78)	(6.6)
	JUMLAH	67.12	45.38	21.74	47.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019


4.2. **Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan untuk tempoh lima tahun menunjukkan peningkatan bagi tahun 2017, 2019 dan 2020 dan penurunan bagi tahun 2018.** Kedudukan baki Kumpulan Wang Disatukan yang tertinggi adalah pada tahun 2020 dan yang terendah adalah pada tahun 2016. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2016 hingga 2020 adalah seperti dalam **Jadual 3** dan **Carta 1**.

JADUAL 3
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN
PADA AKHIR TAHUN 2016 HINGGA 2020

BIL.	BUTIRAN	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)
1.	Akaun Hasil Disatukan	(406.98)	(438.21)	(453.62)	(454.87)	(473.86)
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	426.57	474.19	475.82	500.25	540.98
	<i>i) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan:</i>					
	<i>Kumpulan Wang Pembangunan</i>	12.94	3.53	11.63	20.38	35.78
3.	<i>Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air</i>	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
	<i>Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>	320.12	385.32	364.64	389.81	405.72
	<i>ii) Kumpulan Wang Amanah Awam</i>	51.43	42.68	36.07	32.50	45.70
	<i>iii) Akaun Wang Deposit</i>	42.08	42.66	63.48	57.56	53.78
	JUMLAH	19.59	35.98	22.20	45.38	67.12

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2016 hingga 2020

CARTA 1
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN
PADA AKHIR TAHUN 2016 HINGGA 2020



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2016 hingga 2020

5. WANG AWAM

5.1. Wang Tunai

5.1.1. Wang Tunai merupakan sebahagian daripada aset Kerajaan negeri yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan. Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada baki wang tunai dalam akaun semasa dan pelaburan Deposit Dalam Negeri bagi tempoh tiga bulan atau kurang. Wang Tunai Dalam Perjalanan pula adalah wang tunai yang diterima dan telah dikeluarkan resit penerimaannya tetapi belum dimasukkan ke dalam bank pada atau sebelum 31 Disember tahun semasa. Wang Tunai Dalam Tangan terdiri daripada Panjar Wang Runcit dan Panjar Wang Runcit Khas yang diberi kepada Pemegang Panjar untuk tujuan perbelanjaan runcit.

5.1.2. Analisis perbandingan kedudukan Wang Tunai menunjukkan peningkatan sebanyak RM21.74 juta, atau 47.9% menjadi RM67.12 juta pada tahun 2020 berbanding RM45.38 juta pada tahun 2019 yang disebabkan oleh peningkatan Baki Wang Tunai Dalam Bank. Tiada perubahan bagi baki Wang Tunai Dalam Tangan. Secara keseluruhannya, peningkatan baki Wang Tunai Dalam Bank pada akhir tahun 2020 adalah merupakan tambahan tunai daripada pencairan deposit Simpanan Tetap Akaun Amanah Kelas Pengajian Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) yang berjumlah RM11.40 juta dan peningkatan dalam pelaburan deposit berjumlah RM28 juta atau 75.7% menjadi RM65 juta pada tahun 2020 berbanding RM37 juta pada tahun 2019. Kedudukan baki Wang Tunai pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam

Jadual 4.

**JADUAL 4
KEDUDUKAN BAKI WANG TUNAI PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

BIL.	BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	67.08	45.34	21.74	47.9
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	0.00	0.00	0.00	-
3.	Wang Tunai Dalam Tangan	0.04	0.04	0.00	-
Jumlah		67.12	45.38	21.74	47.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

6. AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan merupakan pernyata yang mengakaunkan semua urus niaga terimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan negeri. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 97 dan Perkara 98, Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a), Akta Tatacara Kewangan 1957. **Pada tahun 2020, Akaun Hasil Disatukan Kerajaan Negeri mencatatkan defisit berjumlah RM18.99 juta, peningkatan sejumlah RM17.74 juta berbanding defisit berjumlah RM1.25 juta pada tahun 2019.** Defisit ini berpunca daripada perbelanjaan mengurus tahun 2020 berjumlah RM132.69 juta, melebihi kutipan hasil yang berjumlah RM113.70 juta. Defisit terkumpul Akaun Hasil Disatukan pada akhir tahun 2020 meningkat sebanyak RM18.99 juta (4.2%) menjadi defisit RM473.86 juta berbanding defisit RM454.87 juta pada tahun 2019. Kedudukan Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 5**.

**JADUAL 5
KEDUDUKAN AKAUN HASIL DISATUKAN PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	(454.87)	(453.62)	(1.25)	(0.3)
Hasil	113.70	151.29	(37.57)	(24.8)
Perbelanjaan Mengurus	132.69	152.54	(19.85)	(13.0)
Lebihan/Defisit Bagi Tahun	(18.99)	(1.25)	(17.74)	1,419.2
BAKI PADA 31 DISEMBER	(473.86)	(454.87)	(18.99)	4.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

6.1. Hasil

6.1.1. Akaun Hasil Disatukan mengandungi tiga kategori hasil, iaitu Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Pada tahun 2020, hasil yang dikutip oleh Kerajaan negeri berjumlah RM113.70 juta atau 107.0% berbanding anggaran yang diluluskan berjumlah RM106.30 juta. Kutipan hasil sebenar pada tahun 2020 berbanding anggaran yang diluluskan adalah seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
KUTIPAN HASIL SEBENAR
PADA TAHUN 2020 BERBANDING ANGGARAN YANG DILULUSKAN

BIL.	BUTIRAN	ANGGARAN (RM Juta)	SEBENAR (RM Juta)	VARIAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Cukai	20.25	21.60	1.35	106.7
2.	Hasil Bukan Cukai	21.55	20.44	(1.11)	94.8
3.	Terimaan Bukan Hasil	64.50	71.66	7.16	111.1
	JUMLAH	106.30	113.70	7.40	107.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020


6.1.2. Secara keseluruhannya, **hasil yang dikutip oleh Kerajaan negeri pada tahun 2020 berjumlah RM113.70 juta, menurun sebanyak RM37.59 juta atau 24.8% berbanding RM151.29 juta pada tahun 2019**. Kutipan hasil pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 7 dan Carta 2**.

JADUAL 7
KUTIPAN HASIL KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BIL.	BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Cukai	21.60	20.77	0.83	4.0
2.	Hasil Bukan Cukai	20.44	23.65	(3.21)	(13.6)
3.	Terimaan Bukan Hasil	71.66	106.87	(35.21)	(32.9)
	JUMLAH	113.70	151.29	(37.59)	(24.8)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

CARTA 2
KUTIPAN HASIL KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2020 DAN 2019



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

6.1.3. Penyumbang utama hasil Kerajaan negeri terdiri daripada Geran Pemberian Kerajaan Persekutuan, Cukai Tanah Semasa, Sewa Rumah Program Perumahan Rakyat (PPR), Premium Tukar Syarat Tanah dan Premium Tanah. Lima butiran hasil ini telah menyumbang RM89.35 juta atau 78.6% daripada keseluruhan hasil pada tahun 2020 yang berjumlah RM113.70 juta. Pada tahun 2019, hasil bagi lima butiran tersebut adalah berjumlah RM130.77 juta atau 86.4% daripada keseluruhan hasil yang diterima berjumlah RM151.29 juta. Trend penyumbang utama hasil Kerajaan negeri bagi tahun 2020 dan 2019 menunjukkan Geran Pemberian Kerajaan Persekutuan adalah penyumbang utama hasil Kerajaan negeri, diikuti dengan Cukai Tanah Semasa dan Premium Tukar Syarat Tanah. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
HASIL UTAMA KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2020 DAN 2019

BIL.	BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Geran Pemberian Kerajaan Persekutuan	65.47	103.37	(37.90)	(36.7)
2.	Cukai Tanah Semasa	16.00	15.78	0.22	1.4
3.	Sewa Rumah PPR	1.87	5.21	(3.34)	(64.1)
4.	Premium Tukar Syarat Tanah	3.14	3.74	(0.60)	(16.0)
5.	Premium Tanah	2.87	2.67	0.20	7.5
JUMLAH		89.35	130.77	(41.42)	(31.7)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

6.1.4. Analisis Audit mendapati justifikasi bagi empat butiran hasil yang mencatatkan peningkatan hasil yang ketara pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
PENINGKATAN HASIL YANG KETARA PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BIL.	BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PENINGKATAN		JUSTIFIKASI
				(RM Juta)	(%)	
1.	Lebihan dari Penutupan Akaun Amanah	4.19	0	4.19	100.0	Tiga akaun amanah tidak aktif telah disifarkan baki dan diperakaunkan ke dalam Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM4.19 juta - Akaun Amanah Caruman Kawasan Lapang (PTG), Akaun Amanah Dana Ternakan (JPV) dan Akaun Amanah Istana Perlis di Kuala Lumpur (JKR).
2.	Faerah dan Hasil dari Simpanan Wang Tetap Dalam Bank	1.11	0.38	0.73	192.1	Peningkatan faedah ke atas pelaburan simpanan tetap, iaitu berbaki RM65 juta pada tahun 2020 berbanding RM37 juta pada tahun 2019.

BIL.	BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PENINGKATAN		JUSTIFIKASI
				(RM Juta)	(%)	
3.	Hasil Mempelam Harumanis	0.95	0.23	0.72	313.0	Peningkatan hasil jualan harumanis pada tahun 2020 disebabkan oleh pengeluaran hasil harumanis yang lebih tinggi iaitu 57.98 tan pengeluaran berbanding 11.59 tan pada tahun 2019.
4.	Notis Dan Denda Lewat Bayaran Cukai Tanah	0.39	0.07	0.32	457.1	Kenaikan kadar denda daripada 8% kepada 10% (berdasarkan keputusan MMK) dan tiada diskuan tambahan kepada pembayar yang membayar cukai lewat daripada 31 Mei 2020.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

6.1.5. Analisis Audit mendapati justifikasi bagi empat butiran hasil yang mencatatkan penurunan hasil yang ketara bagi tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
PENURUNAN HASIL YANG KETARA PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BIL.	BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PENURUNAN		JUSTIFIKASI
				(RM Juta)	(%)	
1.	Sumbangan daripada Agensi Kerajaan	0.00	25.00	(25.00)	(100.0)	Tiada peruntukan secara <i>one-off</i> diterima daripada Kerajaan Persekutuan.
2.	Sewa Rumah PPR	1.87	5.21	(3.34)	(64.1)	Pengecualian sewa kepada penyewa awam untuk tempoh 6 bulan mulai Mac hingga Ogos 2020 (RM0.58 juta bagi 778 unit) dan pengurangan kadar sewa sebanyak 45% bagi 580 unit rumah PPR yang disewa oleh pihak Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP) mulai April hingga Ogos 2020 (RM391,500) – Moratorium Pandemik Covid-19.
3.	Pelbagai Terimaan yang Lain	0.10	1.14	(1.04)	(91.2)	Tiada sumbangan yang diterima daripada pihak Menteri Besar Incorporation pada tahun 2020.
4.	Premium Tanah-Tukar Syarat	3.14	3.74	(0.60)	(16.0)	Pengurangan berlaku disebabkan Pandemik Covid-19 dan PTG telah menerima 32 permohonan untuk lanjutan tempoh bayaran dan permohonan bayaran secara ansuran bagi bayaran kelulusan ubah syarat nyata tanah.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

6.2. Perbelanjaan Mengurus

6.2.1. Perbelanjaan mengurus terdiri daripada Perbelanjaan Tanggungan dan Perbelanjaan Perbekalan. Perbelanjaan Tanggungan adalah perbelanjaan khusus yang diperuntukkan mengikut Perkara 98, Perlembagaan Persekutuan iaitu yang dipertanggungkan terus kepada Kumpulan Wang Disatukan seperti bayaran pencen, ganjaran, pampasan dan pembayaran balik hutang awam. Perbelanjaan Perbekalan pula adalah untuk membiayai aktiviti dan kegiatan harian meliputi Emolumen, Perkhidmatan dan Bekalan, Aset, Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap serta Perbelanjaan Lain.

6.2.2. Pejabat Perbendaharaan Negeri telah mengeluarkan Waran Am Bil. 1 Tahun 2020 bertarikh 12 Disember 2019 bagi tujuan perbelanjaan mengurus berjumlah RM170.45 juta selaras dengan kelulusan Dewan Undangan Negeri Perlis. Peruntukan mengurus Kerajaan negeri telah disemak semula melibatkan peruntukan tambahan berjumlah RM5.26 juta dan waran sekatan berjumlah RM30.47 juta. Hal ini menjadikan peruntukan mengurus tahun 2020 berjumlah RM139.98 juta selepas semakan semula.

6.2.3. Analisis Audit mendapati **peruntukan mengurus menurun sebanyak RM20.50 juta atau 12.8% menjadi RM139.98 juta berbanding sejumlah RM160.48 juta yang diluluskan pada tahun 2019**.

Penambahan peruntukan mengurus bagi butiran Emolumen mencatatkan peningkatan tertinggi, iaitu sebanyak RM0.32 juta (0.6%) menjadi RM54.79 juta pada tahun 2020 berbanding RM54.47 juta pada tahun 2019. Peningkatan ini disebabkan Kerajaan negeri memperuntukkan pembayaran pergerakan gaji tahunan, perjawatan baru dan pemberian bantuan khas kewangan. Peruntukan bagi butiran Perkhidmatan dan Bekalan pula berkurang sebanyak RM10.24 juta (15.8%) pada tahun 2020 berbanding RM64.73 juta pada tahun 2019. Penurunan peruntukan ini disebabkan Kerajaan negeri mengamalkan perbelanjaan secara berdisiplin dan berhemat dalam pelaksanaan program dan aktiviti Kerajaan negeri. Kedudukan peruntukan mengurus Kerajaan negeri pada tahun 2020 berbanding tahun 2019 mengikut butiran perbelanjaan seperti dalam **Jadual 11**.

JADUAL 11
PERUNTUKAN MENGURUS KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BIL.	BUTIRAN	PERUNTUKAN MENGURUS		PERUBAHAN	
		2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	54.79	54.47	0.32	0.6
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	54.49	64.73	(10.24)	(15.8)
3.	Aset	3.04	2.93	0.11	3.8
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	26.41	36.48	(10.07)	(27.6)
5.	Perbelanjaan Lain	1.25	1.87	(0.62)	(33.2)
JUMLAH		139.98	160.48	20.50	12.8

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

6.2.4. Pada tahun 2020, perbelanjaan mengurus Kerajaan negeri berjumlah RM132.69 juta atau 94.8% berbanding anggaran berjumlah RM139.98 juta. Perbelanjaan mengurus sebenar berbanding anggaran Kerajaan negeri pada tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 12**.

JADUAL 12
PERBELANJAAN MENGURUS SEBENAR
BERBANDING ANGGARAN KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2020

BIL.	BUTIRAN	ANGGARAN (RM Juta)	SEBENAR (RM Juta)	PRESTASI PERBELANJAAN	
				(%)	
1.	Emolumen	54.79	52.17	95.2	
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	54.49	51.58	94.7	
3.	Aset	3.04	2.94	96.7	
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	26.41	24.78	93.8	
5.	Perbelanjaan Lain	1.25	1.22	97.6	
JUMLAH		139.98	132.69	94.8	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020

6.2.5. Pada tahun 2020, perbelanjaan mengurus Kerajaan negeri telah menurun sebanyak RM19.85 juta atau 13% menjadi RM132.69 juta berbanding RM152.54 juta bagi tahun 2019. Perbelanjaan menurun disebabkan oleh penurunan perbelanjaan dalam butiran Perkhidmatan dan Bekalan, Pemberian dan Kenaan Tetap serta Perbelanjaan Lain. Perbelanjaan mengurus Kerajaan negeri pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 13**.

JADUAL 13
PERBELANJAAN MENGURUS PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BIL.	BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	52.17	50.67	1.50	3.0
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	51.58	62.04	(10.46)	(16.9)
3.	Aset	2.94	2.41	0.53	22.0
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	24.78	35.55	(10.77)	(30.3)
5.	Perbelanjaan Lain	1.22	1.87	(0.65)	(34.8)
JUMLAH		132.69	152.54	(19.85)	(13.0)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

6.2.6. Analisis Audit mendapati **punca peningkatan dalam perbelanjaan mengurus antaranya disebabkan peningkatan butiran Gaji dan Upahan sebanyak RM1.42 juta atau 4.4% berbanding perbelanjaan tahun 2019**. Selain itu, peningkatan Elaun dan Imbuhan tetap selari dengan kenaikan butiran Gaji dan Upahan sebanyak RM0.94 juta atau 7.3% berbanding perbelanjaan tahun 2019. Peningkatan ini disebabkan oleh kenaikan gaji tahunan kakitangan, pengisian jawatan mengikut waran perjawatan yang diluluskan dan pemberian bantuan khas kewangan kepada penjawat awam.

6.2.7. Peningkatan butiran Aset Tidak Ketara sebanyak RM0.47 juta atau 100% adalah disebabkan terdapat pembelian peralatan ICT bagi pelan “Perlis Go Digital” Tahun 2021-2025. Manakala peningkatan dalam butiran Kelengkapan dan Peralatan sebanyak RM0.46 juta atau 56.8% berbanding tahun 2019 adalah disebabkan oleh penambahbaikan peralatan teknikal ICT telah dibuat dan aset komputer bagi pelan “Perlis Go Digital” yang telah dilancarkan pada tahun 2020. Selain itu, pertambahan dalam butiran Bayaran-Bayaran Lain sebanyak RM0.23 juta atau 24.5% adalah disebabkan oleh kenaikan kadar Caruman Membantu Kadar oleh pihak Majlis Perbandaran Kangar (MPK) dan tambahan premis Kerajaan negeri. Justifikasi peningkatan ketara perbelanjaan mengurus pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 14**.

JADUAL 14
JUSTIFIKASI PENINGKATAN PERBELANJAAN MENGURUS
YANG KETARA PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BIL.	BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PENINGKATAN		JUSTIFIKASI
				(RM Juta)	(%)	
1.	Gaji dan Upahan	33.75	32.33	1.42	4.4	Peningkatan gaji tahunan dan pertambahan kakitangan baru.
2.	Elaun dan Imbuhan Tetap	13.80	12.86	0.94	7.3	Peningkatan gaji tahunan dan pertambahan kakitangan baru.
3.	Aset Tidak Ketara	0.47	0.00	0.47	100.0	Pembaharuan lesen Microsoft, e-mel, <i>firewall</i> dan lain-lain serta naik taraf Sistem iSPEKS
4.	Kelengkapan dan Peralatan	1.27	0.81	0.46	56.8	Pada tahun 2020, Kerajaan Negeri telah melancarkan pelan "Perlis Go Digital". Selaras dengan hasrat itu, beberapa penambahbaikan peralatan teknikal ICT telah dibuat dan aset komputer serta lain-lain yang berkaitan turut dibuat penggantian dengan kos sebanyak RM0.59 juta.
5.	Bayaran-Bayaran Lain	1.17	0.94	0.23	24.5	Perbelanjaan pada tahun 2020 meningkat disebabkan kenaikan kadar Caruman Membantu Kadar oleh pihak MPK dan tambahan premis Kerajaan negeri.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

6.2.8. Sementara itu, justifikasi penurunan ketara perbelanjaan mengurus pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 15**.

JADUAL 15
JUSTIFIKASI PENURUNAN PERBELANJAAN MENGURUS
YANG KETARA PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BIL.	BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PENURUNAN		JUSTIFIKASI
				(RM Juta)	(%)	
1.	Pemberian dalam Negeri	11.87	17.83	(5.96)	(33.4)	Tiada caruman ke Kumpulan Wang Pinjaman Badan Berkanun yang mana pada tahun 2019 jumlah caruman adalah RM4 juta.
2.	Perkhidmatan Iktisas	20.25	25.53	(5.28)	(20.7)	Pelbagai program dan aktiviti pada tahun 2020 ditangguh/dibatalkan disebabkan Pandemik Covid-19.
3.	Tuntutan Insurans dan Pampasan	0.03	1.85	(1.82)	(98.4)	Pada tahun 2019, terdapat bayaran terhadap kes penghakiman yang dikenakan ke atas Kerajaan negeri, iaitu kes guaman sivil sebanyak RM2,183.92 dan RM1.84 juta kes tuntutan yuran perunding projek Kompleks SUK. Pada tahun 2020 pula, terdapat satu kes kemalangan yang dituntut sebanyak RM0.03 juta.

BIL.	BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PENURUNAN		JUSTIFIKASI
				(RM Juta)	(%)	
4.	Ganjaran	0.00	1.78	(1.78)	(100.0)	Tahun 2019, pembayaran ganjaran kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) manakala tahun 2020, tiada bayaran ganjaran kepada ADUN. Hanya bayaran ganjaran kepada kakitangan <i>Contract of Services</i> yang telah tamat perkhidmatan.
5	Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil yang Dibeli	17.20	18.86	(1.66)	(8.8)	Kerajaan negeri telah menerima peruntukan Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) sebanyak RM10 juta dan beberapa kerja penyenggaraan dibuat menggunakan peruntukan PRE. Di samping itu, terdapat juga penjimatan kos penyenggaraan.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

6.2.9. Pembayaran di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)

- a. Arahan Perbendaharaan 58(a) memperuntukkan bahawa bayaran terhadap bekalan/perkhidmatan yang telah diterima pada tahun sebelumnya boleh dibuat pada tahun semasa. Pembayaran boleh dibuat dengan syarat jabatan mempunyai baki peruntukan yang mencukupi pada tahun di mana bekalan/perkhidmatan tersebut diterima dan tiada sebarang keraguan tentang sebab berlaku kelewatan pembayaran tersebut. Manakala AP103(a) pula menghendaki pembayaran kepada penerima hendaklah disempurnakan dalam tempoh 14 hari setelah dokumen lengkap diterima.
- b. Surat Pekeliling Bendahari Negeri Perlis Bilangan 2 Tahun 2020 mengenai Garis Panduan Pembayaran Bagi Bulan Disember 2020 telah dikeluarkan sebagai langkah bagi mengelak atau mengurangkan pembayaran di bawah AP58(a).
- c. **Pada tahun 2020, sejumlah RM141,242 telah dibayar di bawah AP58(a) yang melibatkan 73 baucar bayaran di enam jabatan/pejabat/PTJ.** Jumlah terlibat adalah lebih rendah berbanding RM311,814 bagi 130 baucar bayaran pada tahun 2019. Perkara ini menunjukkan pembayaran di bawah AP58(a) menurun sebanyak RM170,572 atau 54.7% berbanding tahun 2019. Pengurangan ini adalah disebabkan tindakan Bendahari Negeri Perlis yang telah mengeluarkan Garis Panduan Pembayaran Bagi Bulan Disember 2020 sebagai langkah mengelak dan mengurangkan pembayaran di bawah AP58(a). Butiran pembayaran di bawah peruntukan AP58(a) pada tahun 2020 dan 2019 adalah seperti dalam **Jadual 16**.

JADUAL 16
PEMBAYARAN DI BAWAH PERUNTUKAN
ARAHAH PERBENDAHARAAN 58(a) PADA TAHUN 2020 DAN 2019

BIL.	JABATAN/PEJABAT	2020		2019	
		BIL. BAUCAR BAYARAN	JUMLAH (RM)	BIL. BAUCAR BAYARAN	JUMLAH (RM)
1.	Pejabat DYMM Tuanku Raja Perlis	40	122,597	57	72,937
2.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	9	5,490	47	64,573
3.	Pejabat Bendahari Negeri	14	5,847	7	1,392
4.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	5	1,798	5	3,341
4.	Jabatan-Jabatan Lain*	5	5,510	14	169,571
JUMLAH		73	141,242	130	311,814

Sumber: Rekod Kewangan di Pejabat Perbendaharaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

Nota: (*) – Jabatan-Jabatan Lain (Tahun 2020 - 2 Jabatan; Tahun 2019 - 5 Jabatan)

- d. Perbelanjaan di bawah AP58(a) pada tahun 2020 antaranya melibatkan bayaran perkhidmatan ikhtisas dan perkhidmatan lain, elaun lebih masa, pembelian minyak, perbelanjaan perjalanan dan sara hidup serta sewaan. Kelewatan menerima bil dan tuntutan daripada pegawai merupakan punca utama berlakunya pembayaran di bawah AP 58(a). Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 17**.

JADUAL 17
PEMBAYARAN AP58(a) MENGIKUT JENIS PERBELANJAAN

BIL.	JENIS PEMBAYARAN	BIL. BAUCAR	JUMLAH (RM)
1.	Perkhidmatan Ikhtisas dan Perkhidmatan Lain	16	105,220
2.	Elaun Lebih Masa	43	28,866
3.	Pembelian Minyak	3	5,230
4.	Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup	10	1,520
5.	Sewaan	1	406
JUMLAH		73	141,242

Sumber: Rekod Kewangan di Pejabat Perbendaharaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

- e. Semakan Audit terhadap 73 baucar bayaran mendapati tiada berlakunya kelewatan pembayaran selepas kelulusan pembayaran di bawah AP58(a) oleh Pejabat Perbendaharaan Negeri.

7. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

7.1. Akaun Pinjaman Disatukan ditubuhkan mengikut Seksyen 7(b), Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini digunakan untuk mengakaunkan semua pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan sebelum dipindahkan ke dalam Akaun Kumpulan Wang tertentu. Pada tahun 2020, Kerajaan negeri menerima pinjaman berjumlah RM15.80 juta. Pinjaman ini adalah untuk Projek Pembinaan Kompleks Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis berjumlah RM14.59 juta dan Projek Pembinaan Istana Raja Muda Perlis di Kangar berjumlah RM1.21 juta. Wang pinjaman yang diterima ini kemudiannya telah dipindahkan ke dalam Kumpulan Wang Pembangunan. Kedudukan baki Akaun Pinjaman Disatukan pada tahun 2019 dan 2020 adalah seperti dalam **Jadual 18**.

**JADUAL 18
KEDUDUKAN BAKI AKAUN PINJAMAN DISATUKAN PADA TAHUN 2020 DAN 2019**

BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PENURUNAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	0.00	0.00	0.00	0.0
Terimaan	15.80	17.84	2.04	11.4
Bayaran	15.80	17.84	2.04	11.4
BAKI PADA 31 DISEMBER	0.00	0.00	0.00	0.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

8. AKAUN AMANAH DISATUKAN

8.1. Akaun Amanah Disatukan adalah sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan yang diwujudkan di bawah Seksyen 7(c), Akta Tatacara Kewangan 1957. Ia terdiri daripada tiga kumpulan wang, iaitu Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Wang Deposit. Semua penerimaan dan pembayaran wang amanah diakaunkan mengikut kehendak Arahan Amanah di bawah Seksyen 9 dan Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957. Pada akhir tahun 2020, baki Akaun Amanah Disatukan berjumlah RM540.98 juta berbanding RM500.25 juta pada tahun 2019, iaitu peningkatan sebanyak RM40.73 juta atau 8.1%. Kedudukan Akaun Amanah Disatukan pada akhir tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 19**.

JADUAL 19
KEDUDUKAN AKAUN AMANAH DISATUKAN
PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BUTIRAN	2020	2019	PERUBAHAN	
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:				
i) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	441.50	410.19	31.31	7.6
• Kumpulan Wang Pembangunan	35.78	20.38	15.40	75.6
• Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	405.72	389.81	15.91	4.1
ii) Kumpulan Wang Amanah Awam	45.70	32.50	13.20	40.6
iii) Akaun Wang Deposit	53.78	57.56	(3.78)	(6.6)
BAKI PADA 31 DISEMBER	540.98	500.25	40.73	8.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

8.2. Analisis Audit menunjukkan **peningkatan baki Akaun Amanah Disatukan pada tahun 2020 disebabkan oleh peningkatan Kumpulan Wang Amanah Kerajaan dan Kumpulan Wang Amanah Awam masing-masing sebanyak RM31.31 juta dan RM13.20 juta.** Baki Kumpulan Wang Pembangunan menunjukkan peningkatan sebanyak RM15.40 juta pada tahun 2020. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan juga meningkat sebanyak RM15.91 juta, yang antaranya disumbangkan oleh peningkatan Akaun Pendahuluan dari Kerajaan Persekutuan berjumlah RM16 juta dan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan-Jalan Negeri berjumlah RM2.34 juta. Kedudukan Akaun Amanah Disatukan pada tahun 2015 hingga 2020 seperti dalam **Carta 3.**

CARTA 3
KEDUDUKAN AKAUN AMANAH DISATUKAN
PADA AKHIR TAHUN 2016 HINGGA 2020



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2016 hingga 2020

8.3. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan di bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 untuk maksud tertentu. Ia terdiri daripada tiga kumpulan wang, iaitu Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah. Kumpulan wang ini berbentuk pusingan dan pembayarannya tidak melebihi had peruntukan yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Perlis.

8.3.1. Kumpulan Wang Pembangunan

- a. Kumpulan Wang Pembangunan ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan Tahun 1966 (Akta 406). Sumber kewangan bagi kumpulan wang ini terdiri daripada pemberian Kerajaan Persekutuan dan pindahan Akaun Pinjaman Disatukan. Kumpulan Wang Pembangunan hanya boleh dibelanjakan bagi maksud yang ditentukan oleh Akta tersebut.
- b. Terimaan kumpulan wang pada tahun 2020 berjumlah RM58.70 juta yang antaranya terdiri daripada Geran Pemberian Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM28.12 juta; Pemberian Pertambahan Hasil Bahagian II berjumlah RM14 juta; Ansuran Perumahan Awam berjumlah RM0.44 juta, Jualan Perumahan Kos Rendah berjumlah RM0.34 juta dan pindahan daripada Akaun Pinjaman Disatukan berjumlah RM15.80 juta.
- c. Perbelanjaan pembangunan pada tahun 2020 berjumlah RM43.30 juta, menunjukkan penurunan sebanyak RM10.04 juta atau 18.8% berbanding RM53.34 juta pada tahun 2019. Baki terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2020 berjumlah RM35.78 juta, peningkatan sebanyak RM15.40 juta atau 75.6% berbanding RM20.38 juta pada tahun 2019. Peningkatan ini disebabkan Kerajaan negeri menerima Geran Pemberian Pertambahan Hasil daripada Kerajaan Persekutuan. Baki Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 20**.

JADUAL 20
KEDUDUKAN BAKI KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN
PADA TAHUN 2020 BERBANDING TAHUN 2019

BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	20.38	11.63	8.75	75.2
Penerimaan	58.70	62.09	(3.39)	(5.5)
Perbelanjaan	43.30	53.34	(10.04)	(18.8)
Lebihan / Defisit Semasa	15.40	8.75	6.65	76.0
BAKI PADA 31 DISEMBER	35.78	20.38	15.40	75.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

d. Peruntukan kewangan bagi perbelanjaan pembangunan pada tahun 2020 adalah berjumlah RM44.84 juta yang diperuntukkan kepada enam jabatan/pejabat. Berdasarkan peruntukan tersebut, sejumlah RM43.30 juta (96.6%) telah dibelanjakan. Jabatan Pengairan dan Saliran mencatatkan peningkatan perbelanjaan tertinggi, iaitu sebanyak RM0.16 juta (2.3%) menjadi RM7.06 juta pada tahun 2020 berbanding RM6.90 juta pada tahun 2019. Perbelanjaan sejumlah RM7.06 juta antaranya adalah bagi membiayai perbelanjaan Kerja-Kerja Kecil Infrastruktur Pengairan dan Saliran Pertanian di Kawasan Perlis Utara (Luar MADA) berjumlah RM1.55 juta, membina Infrastruktur Kawalan Banjir Kawasan Parlimen Padang Besar berjumlah RM1.14 juta dan pembiayaan bagi Projek Struktur Jambatan Melintas Sungai-Sungai Kawasan Luar Jelapang MADA berjumlah RM0.82 juta. Kedudukan perbelanjaan pembangunan mengikut jabatan/pejabat pada akhir tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 21**.

JADUAL 21
KEDUDUKAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN
PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING TAHUN 2019

BIL.	JABATAN/PEJABAT	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Jabatan Pengairan dan Saliran	7.06	6.90	0.16	2.3
2.	Jabatan Pertanian	3.51	3.42	0.09	2.6
3.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	0.49	0.47	0.02	4.3
4.	Jabatan Perhutanan	0.45	0.76	(0.31)	(40.8)
5.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	12.69	15.6	(2.91)	(18.7)
6.	Jabatan Kerja Raya	19.10	26.19	(7.09)	(27.1)
JUMLAH		43.30	53.34	(10.04)	(18.8)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

e. Perancangan bajet pembangunan disediakan oleh Kerajaan negeri secara tahunan seiring dengan dasar dan strategi pembangunan sosioekonomi negeri dan selari dengan keperluan untuk mencapai *outcome* di peringkat jabatan dan negeri. Daripada RM44.84 juta yang diperuntukkan bagi tahun 2020, sebanyak RM43.3 juta (96.6%) telah dibelanjakan. Didapati empat daripada enam jabatan/pejabat telah mencapai prestasi perbelanjaan melebihi 97%. Pencapaian perbelanjaan pembangunan di bawah RMKe-11 mengikut jabatan/pejabat pada tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 22**.

JADUAL 22
PENCAPAIAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN
DI BAWAH RMKe-11 PADA TAHUN 2020

BIL.	JABATAN/PEJABAT	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN	
			(RM Juta)	(%)
1.	Jabatan Kerja Raya	19.35	19.10	98.7
2.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	13.90	12.69	91.3
3.	Jabatan Pengairan dan Saliran	7.12	7.06	99.2
4.	Jabatan Pertanian	3.51	3.51	100.0
5.	Jabatan Perhutanan	0.45	0.45	100.0
6.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	0.51	0.49	96.1
JUMLAH		44.84	43.30	96.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan Bahagian Perancang Ekonomi Negeri

- f. Bagi menjayakan RMKe-11 Negeri Perlis, peruntukan kewangan sejumlah RM296 juta telah diluluskan oleh Kerajaan negeri bagi tempoh lima tahun (2016 - 2020) untuk melaksanakan pelbagai projek pembangunan oleh enam jabatan/pejabat negeri. Jabatan Kerja Raya menerima peruntukan pembangunan tertinggi berjumlah RM140 juta (47.3%), diikuti Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri berjumlah RM75 juta (25.3%). Seterusnya ialah Jabatan Pengairan dan Saliran yang diperuntukkan sejumlah RM40 juta (13.5%), Jabatan Pertanian berjumlah RM25 juta (8.5%), Jabatan Perkhidmatan Veterinar berjumlah RM10 juta (3.4%) dan Jabatan Perhutanan berjumlah RM6 juta (2.0%). Keseluruhan perbelanjaan di bawah RMKe-11 sehingga 31 Disember 2020 berjumlah RM212.56 juta, iaitu 71.8% daripada RM296 juta yang diperuntukkan. Butirannya adalah seperti dalam **Jadual 23**.
- g. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah menimbang Kertas MMK Bil.111/2020 yang bersidang pada 28 Mei 2020 telah bersetuju meluluskan cadangan kajian semula siling peruntukan pembangunan Kerajaan Negeri Perlis di bawah RMKe-11 daripada RM533.98 juta kepada RM296 juta.

JADUAL 23
PERUNTUKAN PEMBANGUNAN YANG TELAH DILULUSKAN BERBANDING
PERBELANJAAN SEPANJANG RMKe-11 YANG BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2020

BIL.	JABATAN/PEJABAT	SILING PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM Juta)	SILING PERUNTUKAN DILULUSKAN (DISEMAK SEMULA) (RM Juta)	PERBELANJAAN	
		(RM Juta)	(%)		
1.	Jabatan Kerja Raya	310.18	140.00	81.96	58.5
2.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	96.70	75.00	61.34	81.8
3.	Jabatan Pengairan dan Saliran	47.50	40.00	39.06	97.7
4.	Jabatan Pertanian	43.72	25.00	18.09	72.4
5.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	19.05	10.00	8.59	85.9
6.	Jabatan Perhutanan	16.83	6.00	3.52	58.7
JUMLAH		533.98	296.00	212.56	71.8

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan Bahagian Perancang Ekonomi Negeri

h. Status Pelaksanaan Projek Pembangunan RMKe-11 Tahun 2020


- i. Pada tahun 2020, sebanyak 693 projek pembangunan RMKe-11 telah dirancang untuk dilaksanakan oleh enam jabatan/pejabat. Sejumlah 684 projek (98.7%) telah siap dilaksanakan mengikut jadual, enam projek (0.9%) masih dalam pelaksanaan dan tiga projek (0.4%) ditangguhkan. Status pencapaian pelaksanaan projek pembangunan RMKe-11 pada tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 24** dan **Carta 4**.

JADUAL 24
STATUS PENCAPAIAN PELAKSANAAN
PROJEK PEMBANGUNAN RMKe-11 PADA TAHUN 2020

BIL.	JABATAN/PEJABAT	BIL. PROJEK TAHUN 2020	PROJEK SIAP	PROJEK DALAM PELAKSANAAN	PROJEK DITANGGUHKAN
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	400	397	3	0
2.	Jabatan Kerja Raya	35	30	3	2
3.	Jabatan Pengairan dan Saliran	79	78	0	1
4.	Jabatan Pertanian	166	166	0	0
5.	Jabatan Perhutanan	3	3	0	0
6.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	10	10	0	0
JUMLAH		693	684	6	3

Sumber: Bahagian Perancang Ekonomi Negeri dan Jabatan/Pejabat Negeri

CARTA 4
STATUS PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN RMKe-11 PADA TAHUN 2020



Sumber: Bahagian Perancang Ekonomi Negeri dan Jabatan Negeri

- ii. Terdapat enam projek sedang dalam peringkat pelaksanaan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Jabatan Kerja Raya. Projek terlibat adalah Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis (SUK); Istana Raja Muda Perlis di Arau; dan Naiktaraf Masjid Nurul Hikmah Wang Bintong. Projek lain ialah Meroboh dan Membina Bangunan Arked Niaga 2, Dua Tingkat di Lot 8169 Mukim Titi Tinggi, Padang Besar; Membina Sebuah Medan Selera Ikan Bakar Sembilan Unit Kedai dan Menaik Taraf sembilan unit Kedai Sediada di Lot 20034 Kuala Perlis dan Kerja-Kerja Menaik Taraf Dataran Usahawan di UTC Perlis.
- iii. Pada tahun 2020, sebanyak tiga projek berjumlah RM3.08 juta ditangguhkan melibatkan dua jabatan, iaitu JKR dan Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Perlis. Penangguhan ini antaranya disebabkan oleh proses perancangan projek terganggu akibat arahan Perintah Kawalan Pergerakan oleh Kerajaan dan kegagalan kontraktor memulakan kerja seperti mana dijadualkan, pelantikan kontraktor ditamatkan dan tiada bayaran telah dibuat. Senarai projek pembangunan RMke-11 yang ditangguhkan/dibatalkan adalah seperti dalam **Jadual 25**.

JADUAL 25
SENARAI PROJEK PEMBANGUNAN RMKe-11 YANG DITANGGUHKAN/DIBATALKAN

BIL.	NAMA PROJEK	JABATAN	KOS PROJEK (RM Juta)	SEBAB PENANGGUHAN
1.	Kerja-Kerja Menaiktaraf Masjid Ar - Rahman, Simpang Sanglang, Perlis	JKR	1.50	
2.	Kerja-Kerja Menaiktaraf Masjid Darul Ulum, Wang Ulu, Bintong, Perlis	JKR	1.50	Proses perancangan projek terganggu ekoran arahan Perintah Kawalan Pergerakan oleh Kerajaan
3.	Kerja membina dan menyiapkan lintasan ladang 'Medium Traffic Bridge' (MTB) serta kerja-kerja berkaitan di Kampung Perawah, Kangar, Perlis	JPS	0.08	Kegagalan kontraktor memulakan kerja sepetimana dijadualkan, pelantikan telah ditamatkan dan tiada bayaran telah dibuat.
JUMLAH			3.08	

Sumber: Bahagian Perancang Ekonomi Negeri

8.4. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini terdiri daripada Akaun Penyelesaian Kerajaan, Akaun Pinjaman, Kumpulan Wang Luar Jangka dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah. Pada akhir tahun 2020, baki akaun ini meningkat sebanyak RM15.91 juta atau 4.1% menjadi RM405.72 juta berbanding RM389.81 juta pada tahun 2020. Peningkatan Akaun Penyelesaian Kerajaan adalah disebabkan Pendahuluan daripada Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan negeri meningkat sebanyak RM16 juta menjadi RM257.50 juta berbanding RM241.50 juta. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah meningkat sebanyak RM2.34 juta menjadi RM136.21 juta berbanding RM133.87 juta manakala Akaun Pinjaman menurun sebanyak RM2.43 juta menjadi RM11.51 juta berbanding RM13.94 juta pada tahun 2019. Peningkatan juga belaku kerana terdapat penambahan dalam kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan-Jalan Negeri berjumlah RM2.32 juta menjadi RM120.83 juta berbanding RM118.51 juta pada tahun 2019. Kedudukan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada akhir tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 26**.

JADUAL 26
KEDUDUKAN PELBAGAI KUMPULAN WANG
AMANAH KERAJAAN PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BIL.	BUTIRAN	2020	2019	PERUBAHAN	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Penyelesaian Kerajaan	257.50	241.50	16.0	6.6
2.	Akaun Pinjaman	11.51	13.94	(2.43)	(17.4)
3.	Kumpulan Wang Luar Jangka	0.50	0.50	0.00	0.0
4.	Pelbagai Kumpulan Wang Amanah	136.21	133.87	2.34	1.7
BAKI PADA 31 DISEMBER		405.72	389.81	15.91	4.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan negeri Tahun 2020 dan 2019

8.4.1. Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri

- a. Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya diwujudkan oleh Kerajaan negeri pada tahun 2014 mengikut Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957. Tujuan Kumpulan Wang Amanah ini adalah bagi merekod pemberian Kerajaan Persekutuan berdasarkan peruntukan Perkara 109(1)(b), Perlembagaan Persekutuan. Peruntukan ini adalah untuk membiayai kos penyenggaraan jalan raya negeri dan lain-lain perbelanjaan pengurusan berkaitan yang dilaksanakan oleh JKR, JPS, MPK dan PSUK menerusi Bahagian Pentadbiran Daerah (BPD), Bahagian Perumahan (BP) dan Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT).
- b. Mengikut Sistem Maklumat Rekod Jalanraya Malaysia (MARRIS), panjang jalan raya Negeri Perlis yang didaftarkan sehingga 31 Disember 2020 adalah sepanjang 2,288.083 kilometer, berkurangan sebanyak 8.992 kilometer berbanding 2,297.075 kilometer pada tahun 2019. Kerajaan negeri memaklumkan bahawa pengurangan ini disebabkan oleh proses pemutihan data dan rekod jalan negeri yang melibatkan aktiviti penghapusan nama-nama jalan yang bertindih dalam MARRIS.
- c. Baki Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri pada akhir tahun 2020 adalah berjumlah RM120.83 juta berbanding RM118.52 juta pada akhir tahun 2019, iaitu peningkatan sebanyak RM2.31 juta atau 1.9%. Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 27**.

JADUAL 27
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH PENYENGGARAAN
JALAN NEGERI PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019

PERKARA	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	118.52	116.69	1.83	1.6
Terimaan	30.81	29.77	1.04	3.5
Perbelanjaan	28.50	27.94	0.56	2.0
BAKI PADA 31 DISEMBER	120.83	118.52	2.31	1.9
% Penggunaan	92.5	93.9		


Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

- d. Terimaan pemberian penyenggaraan jalan raya daripada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2020 telah meningkat sebanyak RM1.04 juta, atau 3.5% menjadi RM30.81 juta berbanding RM29.77 juta pada tahun 2019. Sejumlah RM28.50 juta atau 92.5% daripada terimaan tersebut telah dibelanjakan pada tahun 2020 berbanding RM27.94 juta atau 93.9% daripada jumlah terimaan tahun 2019. Pada tahun 2020, JKR telah berbelanja sejumlah RM16.45 juta, BPD sejumlah RM6.14 juta, JPS sejumlah RM3.52 juta, BP sejumlah RM0.98 juta dan MPK berjumlah RM1.41 juta.

8.4.2. Akaun Pendahuluan Daripada Kerajaan Persekutuan

- a. Akaun Pendahuluan Daripada Kerajaan Persekutuan merekodkan terimaan dan pembayaran yang dibuat oleh Kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan. Pendahuluan yang diterima ini digunakan untuk membiayai perbelanjaan mengurus dan pembangunan Kerajaan negeri. Pada akhir tahun 2020, baki Akaun Pendahuluan Daripada Kerajaan Persekutuan meningkat sebanyak RM16 juta atau 6.6% menjadi RM257.50 juta berbanding RM241.50 juta pada tahun 2019. Kedudukan baki Akaun Pendahuluan Daripada Kerajaan Persekutuan pada akhir tahun 2016 hingga 2020 adalah seperti dalam **Carta 5**.

CARTA 5
KEDUDUKAN BAKI AKAUN PENDAHULUAN DARIPADA
KERAJAAN PERSEKUTUAN PADA AKHIR TAHUN 2016 HINGGA 2020



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan negeri Tahun 2016 hingga 2020

- b. Analisis Audit mendapati **Kementerian Kewangan telah bersetuju meluluskan bantuan kewangan dalam bentuk Pendahuluan Kepada Kerajaan Negeri Perlis berjumlah RM50 juta yang disalurkan pada 30 Oktober 2020 melalui surat kelulusan Kementerian Kewangan Malaysia yang bertarikh 27 Oktober 2020.** Tujuannya adalah untuk menampung aliran tunai Kerajaan Negeri Perlis. Pendahuluan ini dipersetujui dibayar melalui *off-set* dengan Geran Pemberian Kerajaan Persekutuan bagi tempoh tiga tahun, iaitu mulai tahun 2025 hingga 2027.
- c. Pada tahun 2020, pembayaran balik Pendahuluan daripada Kerajaan Persekutuan adalah mengikut jadual yang ditetapkan berjumlah RM34 juta. Pembayaran telah dibuat secara *off-set* dengan lima pemberian Kerajaan Persekutuan seperti berikut:
 - i. Pemberian Bayaran Tahap Pembangunan Ekonomi berjumlah RM10 juta;
 - ii. Pemberian Pertambahan Hasil Bahagian II berjumlah RM10 juta;
 - iii. Pemberian Senarai Bersama berjumlah RM5 juta;
 - iv. Pemberian Bayaran Perkhidmatan Kepada Kerajaan negeri berjumlah RM5 juta; dan
 - v. Pemberian Hitung Kepala berjumlah RM4 juta.

8.4.3. Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Hutan

- a. Kumpulan Wang ini diwujudkan mengikut Seksyen 56, Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313) dan Seksyen 9(3) Akta Tatacara Kewangan 1957. Tujuan penubuhannya adalah untuk melaksanakan pelbagai projek seperti menyedia, melaksana dan mengkaji semula rancangan pengurusan hutan negeri. Punca kewangan bagi kumpulan wang ini adalah pindahan daripada Akaun Hasil Disatukan dan kutipan ses kayu balak. Akaun ini dikendalikan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perlis dan diletakkan di bawah Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan.
- b. Pada tahun 2020, baki Kumpulan Wang Amanah meningkat sebanyak RM25,289 atau 7.1% menjadi RM380,139 berbanding RM354,850 pada tahun 2019. Penerimaan pada tahun 2020 berjumlah RM25,289 merupakan pungutan ses perhutanan. Manakala tiada pembayaran dilakukan sepanjang tahun 2020 dan 2019. Kedudukan Akaun Amanah Kumpulan Wang Pembangunan Hutan pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 28**.

JADUAL 28
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH
PEMBANGUNAN HUTAN PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019

PERKARA	2020 (RM)	2019 (RM)	PERUBAHAN	
			(RM)	(%)
Baki Pada 1 Januari	354,850	330,805	24,045	7.3
Terimaan	25,289	24,045	1,244	5.2
Perbelanjaan	0.00	0.00	0.00	0.0
BAKI PADA 31 DISEMBER	380,139	354,850	25,289	7.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

8.5. Kumpulan Wang Amanah Awam

- 8.5.1. Kumpulan Wang Amanah Awam ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 yang terdiri daripada Kumpulan Wang Khas Kerajaan Negeri dan Wang Amanah yang diterima bagi maksud tertentu. Pengurusan akaun ini dibuat mengikut Arahan Amanah yang diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri. Pada tahun 2020, baki Kumpulan Wang Amanah Awam meningkat sebanyak RM13.20 juta atau 40.6% menjadi RM45.70 juta berbanding RM32.50 juta pada tahun 2019. Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Awam pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 29**.

JADUAL 29
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG
AMANAH AWAM PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019

PERKARA	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	32.50	36.07	(3.57)	(9.9)
Penerimaan	87.83	22.63	65.20	288.1
Pembayaran	74.63	26.21	48.42	184.7
BAKI PADA 31 DISEMBER	45.70	32.50	13.20	40.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

8.5.2. Peningkatan ini antaranya disebabkan oleh peningkatan yang ketara menerusi Akaun Amanah KAFA sebanyak RM10.59 juta dan Akaun Amanah Tabung Bencana/Malapetaka sebanyak RM2.65 juta. Pada tahun 2020, Kerajaan negeri telah mewujudkan dua Akaun Amanah baharu, iaitu Akaun Amanah Paket Rangsangan Ekonomi dan Akaun Amanah Banci 2020 yang mana Akaun Amanah ini adalah di bawah tanggungjawab Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis. Tujuan penubuhan akaun amanah Paket Rangsangan Ekonomi ini adalah bertujuan perlaksanaan projek-projek di bawah Paket Rangsangan Ekonomi manakala Akaun Amanah Banci 2020 ini adalah bagi pelaksanaan program Banci 2020 di Negeri Perlis. Butiran lanjut akaun amanah yang baharu diwujudkan ini adalah seperti dalam **Jadual 30**.

JADUAL 30
AKAUN AMANAH YANG BAHARU DIWUJUDKAN PADA TAHUN 2020

BIL.	NAMA AKAUN AMANAH	TUJUAN	BAKI PADA 31 DISEMBER 2020 (RM Juta)
1.	Akaun Amanah Paket Rangsangan Ekonomi	Menerima dan mengeluarkan wang khusus untuk tujuan perlaksanaan projek-projek di bawah Paket Rangsangan Ekonomi	0.39
2.	Akaun Amanah Banci 2020	Menerima dan mengeluarkan wang khusus untuk tujuan pelaksanaan program Banci 2020 di Negeri Perlis.	0.00

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020

8.5.3. Pekeliling Perbendaharaan WP10.4 Tatacara Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah di bawah Seksyen 9 dan 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] Perkara 5.5.2, menghendaki semua Pegawai Pengawal akaun amanah dan pegawai perakaunan yang diberikan kuasa secara bertulis menyelenggara rekod-rekod kewangan dengan lengkap dan teratur. Antaranya perlu merekodkan setiap urus niaga terimaan dan bayaran, menyelenggara rekod-rekod harta modal, inventori dan bekalan pejabat yang dibeli serta merekodkan semua pelaburan.

8.5.4. Semakan Audit mendapati **Penyata Terimaan dan Bayaran (PTB) Akaun Amanah Pemantapan Pentadbiran Keluarga Islam Perlis dan PTB Akaun Amanah Pendidikan Islam Negeri Perlis masing-masing terkurang nyata sejumlah RM32,615.24 dan RM4,341.48.**

8.5.5. Semakan Audit terhadap PTB akaun Amanah Pemantapan Pentadbiran Keluarga Islam Perlis di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Perlis (JAIPs) mendapati **transaksi terimaan dan bayaran bagi Kursus Pra Perkahwinan masing-masing berjumlah RM90,900 dan RM58,284.76 bagi tempoh bulan Januari hingga Disember 2020 tidak direkod dan diperakaunkan dalam PTB dan Buku Akaun Amanah menyebabkan baki PTB Akaun Amanah Pemantapan Pentadbiran Keluarga Islam Perlis pada 31 Disember 2020 terkurang nyata sejumlah RM32,615.24.** Butiran PTB Akaun Amanah Pemantapan Pentadbiran Keluarga Islam Perlis seperti dalam **Jadual 31.**

**JADUAL 31
 PENYATA TERIMAN DAN BAYARAN AKAUN AMANAH
 PEMANTAPAN PENTADBIRAN KELUARGA ISLAM PERLIS**

BAKI PADA 31.12.2020 (RM) (a)	TERIMAAN YANG BELUM DIREKODKAN (RM) (b)	BAYARAN YANG BELUM DIREKODKAN (RM) (c)	BAKI SEBENAR PADA 31.12.2020 (RM) d = (a + b - c)	JUMLAH KESELURUHAN TERKURANG NYATA (RM) e = (a - d)
34,596.00	90,900.00	58,284.76	67,211.24	(32,615.24)

Sumber: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis dan Jabatan Audit Negara

Maklum Balas Pejabat Perbendaharaan Negeri yang Diterima pada 19 Mei 2021

JAIPs memaklumkan baki akhir PTB Akaun Amanah Pemantapan Pentadbiran Keluarga Islam Perlis adalah berjumlah RM13,911.24 dan kurangan baki adalah disebabkan perbezaan bilangan peserta kursus berdasarkan pengiraan Audit dan rekod JAIPs. Bagaimanapun JAIPs masih meneliti semua dokumen berkaitan kerana pihak JAIPs hanya mempunyai baki tunai RM6,124 sahaja manakala kurangan perbelanjaan RM7,787.24 belum dikenal pasti. Semua perbelanjaan yang belum direkodkan akan dikemuka kepada pihak audit bagi tujuan pengesahan.

8.5.6. Semakan Audit selanjutnya terhadap PTB Akaun Amanah Pendidikan Islam Negeri Perlis di JAIPs mendapati **transaksi terimaan dan pembayaran oleh Tadika Islam Perlis (TIPs) yang masing-masing berjumlah RM91,903.51 dan RM87,562.03 bagi tempoh Januari hingga Disember 2020 tidak direkod dan diperakaunkan dalam PTB Akaun Amanah Pendidikan Islam Negeri Perlis.** Ini menyebabkan baki PTB Akaun Amanah Pendidikan Islam Negeri Perlis pada 31 Disember 2020 terkurang nyata sejumlah RM4,341.48. Butiran seperti dalam **Jadual 32.**

**JADUAL 32
PENYATA TERIMAAN DAN BAYARAN
AKAUN AMANAH PENDIDIKAN ISLAM PERLIS TERKURANG NYATA**

BAKI PADA 31.12.2020 (RM) (a)	TERIMAAN YANG BELUM DIREKODKAN (RM) (b)	BAYARAN YANG BELUM DIREKODKAN (RM) (c)	BAKI SEBENAR PADA 31.12.2020 (RM) $d = (a + b - c)$	JUMLAH KESELURUHAN TERKURANG NYATA (RM) $e = (a - d)$
1,568,981.97	91,903.51	87,562.03	1,573,323.45	(4,341.48)

Sumber: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis dan Jabatan Audit Negara

Maklum Balas Pejabat Perbendaharaan Negeri yang Diterima pada 19 Mei 2021

JAIPs memaklumkan baki PTB Akaun Amanah Pendidikan Islam Negeri Perlis pada 31 Disember 2020 telah terkurang nyata berjumlah RM4,341.48 disebabkan oleh pembayaran bil-bil TIPs, yang telah dibayar secara tunai oleh guru tadika tanpa dikemukakan kepada pihak JAIPs dan seterusnya perbelanjaan tersebut tidak direkodkan dan diperakaunkan dalam PTB bagi tahun 2020.

Pejabat Perbendaharaan Negeri telah membuat perbincangan bersama JAIPs pada 27 April 2021 bagi membincangkan isu tersebut dan langkah-langkah penambahbaikan yang perlu diambil bagi mengelakkan perkara ini daripada berulang. Perbendaharaan Negeri mengesyorkan pihak JAIPs mengadakan satu bengkel khusus berkaitan Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi proses kerja pengurusan dan kewangan di Unit/Bahagian yang terlibat di JAIPs.

8.5.7. Akaun Amanah Tabung Bantuan Bencana/Malapetaka Kerajaan Negeri Perlis

- Akaun Amanah Tabung Bantuan Bencana/Malapetaka Kerajaan Negeri Perlis ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957. Tujuan

penubuhan adalah untuk mengakaunkan wang yang diterima bagi tujuan program/aktiviti bantuan bencana atau malapetaka yang dialami oleh mangsa bencana alam. Penerimaan akaun amanah ini adalah pemberian daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, sumbangan orang awam, sektor swasta dan lain-lain sumbangan.

- b. Pada akhir tahun 2020, akaun ini berbaki RM3.51 juta, iaitu meningkat sebanyak RM2.65 juta atau 308.1% berbanding RM0.86 juta pada tahun 2019. Peningkatan yang ketara adalah disebabkan penerimaan peruntukan bagi menangani Covid-19 daripada Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) berjumlah RM0.20 juta, Kerajaan Persekutuan berjumlah RM10 juta dan sumbangan daripada orang awam berjumlah RM0.17 juta. Peruntukan daripada NADMA dan Kerajaan Persekutuan telah dibelanjakan masing-masing sebanyak RM0.16 juta (80%) dan RM7.39 juta (73.9%) manakala sumbangan daripada orang awam telah dibelanjakan sepenuhnya (100%).
- c. Peruntukan tersebut telah disalurkan kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Bahagian Pentadbiran Daerah dan Pejabat Khidmat DUN. Peruntukan disalurkan bagi tujuan logistik urusetia pengurusan bencana, bantuan program agihan makanan asas (PAMA), kempen pembudayaan norma baharu, bantuan *one-off* kepada waris pesakit Covid-19 dan elaun petugas pusat khidmat.

8.6. Akaun Deposit

8.6.1. Deposit adalah wang yang diterima oleh jabatan bagi sesuatu maksud mengikut undang-undang tertentu atau perjanjian yang dipegang untuk satu jangka masa tertentu. Wang deposit akan dikembalikan setelah maksudnya tercapai atau dijadikan hasil apabila pendeposit tidak dapat dikenal pasti dan tidak dituntut. Pada akhir tahun 2020, Kerajaan negeri mempunyai 21 akaun deposit berjumlah RM53.78 juta yang diselenggarakan oleh 11 Jabatan.

8.6.2. Pada tahun 2020, baki Akaun Deposit bagi 11 jabatan/pejabat adalah berjumlah RM53.78 juta. Empat jabatan/pejabat mempunyai baki deposit melebihi RM1 juta dan tujuh jabatan/pejabat lain mempunyai deposit antara RM980 hingga RM0.93 juta. Baki deposit pada tahun 2020 menurun sebanyak RM3.78 juta atau 6.6% berbanding tahun 2019 berjumlah RM57.56 juta. Kedudukan deposit pada akhir tahun 2020 berbanding tahun 2019 adalah seperti dalam **Jadual 33**.

JADUAL 33
KEDUDUKAN DEPOSIT PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BIL.	JABATAN/PEJABAT	BIL. AKAUN DEPOSIT	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
					(RM Juta)	(%)
1.	Jabatan Kerja Raya	3	22.30	26.26	(3.96)	(15.1)
2.	Jabatan Tanah dan Galian	2	22.04	21.03	1.01	4.8
3.	Pejabat Perbendaharaan Negeri	3	0.93	1.61	(0.68)	(42.2)
4.	Jabatan Kerja Raya (Bekalan Air)	1	4.82	4.82	0.00	0.00
5.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	3	3.30	3.45	(0.15)	(4.3)
6.	Jabatan Pengairan dan Saliran	2	0.25	0.21	0.04	19.0
7.	Jabatan Perhutanan	2	0.11	0.11	0.00	0.00
8.	Jabatan Pertanian	2	0.01	0.05	(0.04)	(80.0)
9.	Jabatan Veterinar	1	0.01	0.01	0.00	0.00
10.	Jabatan Lain*	2	0.01	0.01	0.00	0.00
JUMLAH		21	53.78	57.56	(3.78)	(6.6)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

Nota: (*) Jabatan lain melibatkan dua jabatan

8.6.3. Mengikut Arahan Perbendaharaan 162, deposit yang tidak dituntut selepas tempoh 12 bulan dari tarikh deposit boleh dikembalikan kepada pendeposit, hendaklah diwartakan. Sekiranya deposit berkenaan masih tidak dituntut selepas tiga bulan, ia hendaklah dikreditkan ke Akaun Hasil Disatukan. Analisis Audit mendapati sejumlah RM45.4 juta deposit masih belum diwartakan melibatkan pendeposit dari tahun 1974 hingga 2019 seperti dalam **Jadual 34**.

JADUAL 34
DEPOSIT TIDAK DITUNTUT DARI TAHUN 1974 SEHINGGA 2019

BIL.	JABATAN/PEJABAT	BIL. AKAUN DEPOSIT	PURATA/JULAT TAHUN	JUMLAH (RM Juta)
1.	Jabatan Tanah dan Galian Perlis	2	1974-2019	20.58
2.	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	3	1981-2019	2.34
3.	Jabatan Perhutanan Negeri Perlis	2	1986-2019	0.09
4.	Jabatan Kerja Raya (Bekalan Air)	1	2014	4.82
5.	Jabatan Kerja Raya Negeri Perlis	3	2011-2019	17.18
6.	Pejabat Perbendaharaan Negeri Perlis	3	2015-2019	0.27
7.	Jabatan Pengairan dan Saliran Perlis	2	2015-2018	0.10
8.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perlis	1	2015-2016	0.01
9.	Jabatan/Pejabat Lain*	4	2012-2019	0.01
JUMLAH		21		45.40

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: (*) Jabatan/Pejabat Lain melibatkan tiga jabatan

8.6.4. Semakan Audit terhadap Akaun Deposit Cagaran Bekalan Air berjumlah RM4.82 juta di bawah Jabatan Kerja Raya (Bekalan Air) mendapati **tiada perubahan sejak dari tahun 2014 sehingga 31 Disember 2020 dan masih belum diambil tindakan atau pelarasannya ke akaun Syarikat Air Perlis.** Maklum Balas Pejabat Perbendaharaan Negeri yang diterima pada 16 Jun 2020, Pejabat Perbendaharaan Negeri telah memaklumkan kepada Syarikat Air Perlis Sdn. Bhd. (SAP) mengenai keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bil. 51/2020 yang bersidang pada 25 Mac 2020. MMKN antara lain telah bersetuju supaya Perbendaharaan Negeri membuat pemindahan keseluruhan deposit Cagaran Bekalan Air kepada SAP secara berperingkat-peringkat sebanyak RM1 juta setiap tahun bermula dari tahun 2021. Surat makluman tersebut bernombor rujukan UPEN.Ps. 02/165 JLD 16(45) bertarikh 20 April 2020.

Maklum Balas Pejabat Perbendaharaan Negeri yang Diterima pada 3 Mei 2021

Pejabat Perbendaharaan Negeri telah membuat bayaran sepetimana yang telah diputuskan dalam Mesyuarat MMKN dan pembayaran dibuat secara ansuran kepada pihak SAP iaitu sebanyak RM500,000 dibayar pada 27 April 2021 melalui baucar bayaran 21AHBB0400467, manakala RM500,000 lagi akan dibayar pada 28 Mei 2021.

Pejabat Perbendaharaan Negeri telah mengemukakan baucar bayaran 21AHBB0400561 kepada pihak audit berkenaan pembayaran deposit cagaran berjumlah RM500,000 bertarikh 17 Mei 2021 semasa mesyuarat penutup yang diadakan pada 29 Jun 2021.

9. PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum ialah penyata yang menunjukkan aset dan liabiliti Kerajaan negeri yang boleh dilupuskan atau boleh dilunaskan pada masa akan datang yang tidak dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Penyata ini terdiri daripada Penyata Akaun Memorandum Aset dan Penyata Akaun Memorandum Liabiliti. Penyata Akaun Memorandum Aset menunjukkan kedudukan Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan. Penyata Akaun Memorandum Liabiliti menunjukkan baki Hutang Awam Kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan yang belum diselesaikan pada penutupan tahun kewangan dan Pelbagai Liabiliti.

9.1. Pinjaman Boleh Dituntut

9.1.1. Pinjaman Boleh Dituntut adalah pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan negeri kepada Agensi negeri dengan menggunakan sumber Kerajaan negeri atau pinjaman yang diperoleh daripada Kerajaan Persekutuan. Pada tahun 2020, baki Pinjaman Boleh Dituntut menurun sebanyak RM1.68 juta atau 1.5% menjadi RM107.25 juta, berbanding RM108.93 juta pada tahun 2019. Ia merupakan Pinjaman Boleh Dituntut yang diberikan kepada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (PKENPs), SAP dan Yayasan Islam Perlis (YIPs). Kedudukan baki Pinjaman Boleh Dituntut pada akhir tahun 2020 dan 2019 adalah seperti dalam **Jadual 35**.

JADUAL 35
KEDUDUKAN BAKI PINJAMAN BOLEH DITUNTUT
OLEH KERAJAAN NEGERI PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BIL.	AGENSI NEGERI	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	100.47	101.91	(1.44)	(1.4)
2.	Syarikat Air Perlis Sdn. Bhd.	4.90	5.28	(0.38)	(7.2)
3.	Yayasan Islam Perlis	1.88	1.74	0.14	8.0
JUMLAH		107.25	108.93	(1.68)	(1.5)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

9.1.2. Analisis Audit mendapati **pada tahun 2020, PKENPs, SAP dan YIPs membuat pembayaran balik pinjaman masing-masing berjumlah RM0.26 juta, RM0.38 juta dan RM0.10 juta**. Pinjaman Boleh Dituntut oleh YIPs meningkat sebanyak RM0.14 juta atau 8% menjadi RM1.88 juta berbanding RM1.74 juta pada tahun 2019. Peningkatan ini disebabkan Kerajaan negeri telah meluluskan pinjaman kepada YIPs berjumlah RM240,000 pada 14 Januari 2020 bagi menampung bayaran emolumen kakitangan YIPs tahun 2020.

9.1.3. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut

- a. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut merangkumi bayaran balik pinjaman yang matang, tetapi belum diterima daripada agensi negeri. Pada 31 Disember 2020, baki tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Agensi berjumlah RM91.17 juta meningkat sebanyak RM3.32 juta atau 3.8% berbanding RM87.85 juta pada tahun 2019. Pada tahun 2020, agensi sepatutnya membayar ansuran pinjaman Kerajaan negeri berjumlah RM91.90 juta yang terdiri daripada bayaran anuiti tahun semasa sejumlah RM4.05 juta dan tunggakan berjumlah RM87.85 juta. Kedudukan tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut pada akhir tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 36**.

JADUAL 36
KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK
PINJAMAN BOLEH DITUNTUT PADA AKHIR TAHUN 2020

AGENSI NEGERI	TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN PADA 1.1.2020	ANUITI TAHUN 2020	JUMLAH PATUT DIJELASKAN PADA TAHUN 2020	JUMLAH DIJELASKAN/PENJADUALAN SEMULA PADA TAHUN 2020	TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN PADA 31.12.2020
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)
Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	87.85	3.39	91.24	0.26	90.98
Syarikat Air Perlis Sdn. Bhd.	0.00	0.38	0.38	0.38	0.00
Yayasan Islam Perlis	0.00	0.28	0.28	0.09	0.19
JUMLAH	87.85	4.05	91.90	0.73	91.17

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020

- b. Analisis perbandingan antara jumlah baki tunggakan bayaran balik pinjaman boleh dituntut pada tahun 2020 berbanding 2019 mendapati **prestasi bayaran balik pinjaman oleh PKENPs adalah kurang memuaskan**. PKENPs tidak membuat pembayaran balik pinjaman mengikut jumlah dan tempoh yang ditetapkan. PKENPs hanya membuat bayaran sejumlah RM0.26 juta atau 0.3% daripada keseluruhan tunggakan bayaran balik pinjaman berjumlah RM91.24 juta. Ini menyebabkan tunggakan bayaran balik pinjaman PKENPs meningkat kepada RM90.98 juta.
- c. Pada tahun 2020, SAP telah membuat pembayaran pinjaman sepenuhnya berjumlah RM0.38 juta kepada Kerajaan negeri mengikut jadual pembayaran yang ditetapkan. Oleh itu, tiada tunggakan bayaran balik pinjaman bagi SAP pada akhir tahun 2020.
- d. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut oleh YIPs meningkat sebanyak RM0.19 juta disebabkan YIPs hanya membayar sejumlah RM0.09 juta atau 32.1% kepada Kerajaan negeri berbanding RM0.28 juta jumlah keseluruhan pembayaran yang sepatutnya dibayar.
- e. Kedudukan baki tunggakan bayaran balik pinjaman boleh dituntut pada akhir tahun 2016 hingga 2020 adalah seperti dalam **Jadual 37**.

JADUAL 37
KEDUDUKAN BAKI TUNGGAKAN BAYARAN BALIK
PINJAMAN BOLEH DITUNTUT PADA AKHIR TAHUN 2016 HINGGA 2020

AGENSI NEGERI	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)
Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	79.09	83.04	86.78	87.85	90.98
Syarikat Air Perlis Sdn. Bhd.	0.00	0.00	0.31	0.00	0.00
Yayasan Islam Perlis	0.00	0.00	1.67	0.00	0.19
JUMLAH	79.09	83.04	88.76	87.85	91.17

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2016 hingga 2020

9.2. Hutang Awam

9.2.1. Kerajaan negeri dari semasa ke semasa ada membuat pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bertujuan untuk membiayai projek pembangunan. Pada tahun 2020, baki Hutang Awam Kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan meningkat sebanyak RM11.32 juta atau 4.2% menjadi RM279.34 juta berbanding RM268.02 juta pada tahun 2019. Peningkatan ini disebabkan terimaan pinjaman tambahan oleh Kerajaan negeri berjumlah RM15.8 juta, iaitu bagi pinjaman Projek Pembinaan Kompleks Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis berjumlah RM14.59 juta dan Projek Pembinaan Istana Raja Muda Perlis berjumlah RM1.21 juta.

9.2.2. Pada tahun 2020, Kerajaan negeri hanya membayar sejumlah RM5.71 juta bagi bayaran pinjaman membiayai projek PKENPs berjumlah RM4.69 juta, bayaran pinjaman membiayai Projek Pembangunan Semula Istana Perlis di Kuala Lumpur berjumlah RM0.67 juta dan bayaran pinjaman membiayai Projek Istana Perlis di Kuala Lumpur berjumlah RM0.35 juta.

9.2.3. Kedudukan baki Hutang Awam Kerajaan negeri pada akhir tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 38**.

JADUAL 38
KEDUDUKAN BAKI HUTANG AWAM
KERAJAAN NEGERI PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BIL.	BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Sektor Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	120.47	124.70	(4.23)	(3.4)
2.	Sektor Perumahan Awam Kos Rendah	84.37	83.60	0.77	0.9
3.	Sektor Pelbagai	59.40	44.62	14.78	33.1
4.	Sektor Bekalan Air	15.10	15.10	(140.52)	(90.3)
JUMLAH		279.34	268.02	11.32	4.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

9.2.4. Semakan Audit terhadap Laporan Terperinci Penyata Akaun Memorandum Hutang Awam pada 31 Disember 2020 mendapat **Kerajaan negeri membuat pelarasian faedah ke atas baki pinjaman di bawah Sektor PKENPs antara Kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan berjumlah RM0.45 juta.** Ia terdiri daripada dua pinjaman, iaitu pinjaman Projek Pembangunan Semula Pekan Melayu, Mukim Sena oleh Kerajaan Negeri berjumlah RM0.30 juta dan Projek Kompleks Perdagangan dan Perniagaan Bumiputera, Kangar berjumlah RM0.15 juta.

9.2.5. Tuggakan bayaran balik Hutang Awam, termasuk jumlah prinsipal dan faedah Kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2020 meningkat sebanyak RM1.08 juta atau 0.6% menjadi RM182.55 juta, berbanding RM181.47 juta pada tahun 2019. Peningkatan ini disebabkan Kerajaan negeri tidak membuat bayaran balik pinjaman mengikut jadual bayaran balik yang telah ditetapkan seperti dalam perjanjian antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Kedudukan baki tuggakan bayaran balik Hutang Awam pada akhir tahun 2019 hingga 2020 adalah seperti dalam **Jadual 39.**

JADUAL 39
KEDUDUKAN BAKI TUNGGAKAN BAYARAN
BALIK HUTANG AWAM PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BIL.	BUTIRAN	2020	2019	PERUBAHAN	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Sektor Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	110.97	113.35	(2.38)	(2.1)
2.	Sektor Perumahan Awam Kos Rendah	66.90	64.31	2.59	4.0
3.	Sektor Bekalan Air	4.68	3.81	0.87	22.8
4.	Sektor Pelbagai	0.00	0.00	0.00	-
JUMLAH		182.55	181.47	1.08	0.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

10. NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Nota Kepada Penyata Kewangan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis. Ia memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai amaun yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan maklumat tambahan lain seperti peristiwa yang berlaku selepas tarikh Penyata Kedudukan Kewangan dan angka perbandingan.

10.1. Akaun Belum Terima

Akaun Belum Terima (ABT) ditafsirkan sebagai sejumlah wang yang sepatutnya telah diterima oleh Kerajaan negeri pada sesuatu ketika tetapi belum diterima berasaskan kepada bil yang telah dikeluarkan. Garis panduan bagi menyelenggara dan melaporkan Akaun Belum Terima dijelaskan oleh Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP 10.6. Pegawai Pengawal yang bertanggungjawab dikehendaki menyediakan Laporan ABT pada 30 Jun dan 31 Disember pada setiap tahun dan menghantar kepada Bendahari Negeri, dengan sesalinan kepada Jabatan Audit Negara, selewat-lewatnya pada 31 Ogos dan 31 Januari tahun berikutnya. ABT Kerajaan negeri yang utama terdiri daripada Tunggakan Hasil dan Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut.

10.1.1. Tunggakan Hasil


- a. Tunggakan hasil adalah hasil atau pendapatan yang berpunca daripada hasil cukai, hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil yang sepatutnya telah diterima, tetapi belum diterima oleh Kerajaan negeri. Pada tahun 2020, tunggakan hasil Kerajaan negeri dan tunggakan bayaran balik pinjaman perumahan menurun sebanyak RM3.23 juta atau 13.7% menjadi RM20.42 juta berbanding RM23.65 juta pada tahun 2019. Tunggakan hasil yang tertinggi disumbangkan oleh cukai tanah, jualan air dan bayaran ansuran jualan Rumah Awam Kos Rendah yang keseluruhannya berjumlah RM20.23 juta. Kedudukan tunggakan hasil Kerajaan negeri mengikut jabatan pada akhir tahun 2020 berbanding tahun 2019 adalah seperti dalam **Jadual 40** dan kedudukan tunggakan cukai tanah pada akhir tahun 2020 berbanding tahun 2019 adalah seperti dalam **Carta 6**.

JADUAL 40
KEDUDUKAN TUNGGAKAN HASIL KERAJAAN NEGERI
MENGIKUT JABATAN PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING TAHUN 2019

BIL.	JABATAN/PEJABAT	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Jabatan Tanah dan Galian (Cukai Tanah)	13.73	14.77	(1.04)	(7.0)
2.	Jabatan Kerja Raya (Jualan Air)	4.30	4.98	(0.68)	(13.7)
3.	Pejabat SUK (Ansuran Perumahan Awam)	2.20	3.72	(1.52)	(40.9)
4.	Pejabat SUK (Sewa Gerai)	0.15	0.16	(0.01)	(6.3)
5.	Jabatan Perhutanan (Permit Dusun)	0.04	0.02	0.02	100.0
JUMLAH		20.42	23.65	(3.23)	(13.7)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

CARTA 6
KEDUDUKAN TUNGGAKAN CUKAI TANAH
PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING 2019



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

- b. Analisis Audit mendapati **pada tahun 2020, Jabatan Tanah dan Galian Negeri Perlis berjaya mengurangkan tunggakan cukai tanah berjumlah RM1.04 juta kepada RM13.73 juta berbanding RM14.77 juta tahun 2019.** Antara inisiatif yang dilakukan oleh Kerajaan negeri dalam mengurangkan tunggakan hasil cukai tanah adalah dengan menjalankan promosi pemberian diskain terhadap denda lewat yang dikenakan ke atas pembayaran Cukai Tanah.
- c. Tunggakan hasil Jualan Air menurun sebanyak RM0.68 juta menjadi RM4.30 juta berbanding RM4.98 juta pada tahun 2019. Ini disebabkan SAP telah menjelaskan ansuran sejumlah RM0.68 juta pada tahun 2020 kepada Kerajaan negeri. Pejabat Perbendaharaan Negeri Perlis melalui surat kelulusan bertarikh 5 Januari 2017 menetapkan SAP perlu membayar kepada Kerajaan negeri secara ansuran berjumlah RM75,000 sebulan bagi tempoh 104 bulan mulai bulan Januari 2017 sehingga Ogos 2025.
- d. Tunggakan Ansuran Perumahan Awam, SUK Bahagian Perumahan menurun sebanyak RM1.52 juta menjadi RM2.20 juta berbanding RM3.72 juta pada tahun 2019. Penurunan ini adalah disebabkan sebanyak 94 unit rumah Rancangan Perumahan Awam (RPA) telah dibuat penjadualan dan penstrukturkan semula bayaran ansuran perumahan.

- e. Semakan Audit selanjutnya terhadap rekod tunggakan Hasil Sewa Rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Bahagian Perumahan mendapati sehingga 31 Disember 2020, sejumlah RM1.94 juta tunggakan hasil sewa rumah PPR tidak dilaporkan dalam Penyata Ringkas Tunggakan Hasil (Akaun Belum Terima) di Nota Kepada Penyata Kewangan. Ini menyebabkan tunggakan hasil Kerajaan Negeri yang belum terima telah terkurang nyata.

Maklum Balas Pejabat Perbendaharaan Negeri yang Diterima pada 3 Mei 2021

Pejabat Perbendaharaan memaklumkan berkenaan surat Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) rujukan KPCT(07)/UP/203(24) bertarikh 2 Disember 2020, Kerajaan Persekutuan melalui Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 21 Oktober 2020 bersetuju melaksanakan penyerahan secara pajakan PPR Disewa yang dibangunkan di atas tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) kepada Kerajaan negeri selari dengan kehendak Perlembagaan Persekutuan dengan hasil sewaan yang diterima dibenar untuk digunakan oleh Kerajaan Negeri bagi tujuan penyenggaraan. Proses penyerahan secara pajakan PPR Disewa kepada Kerajaan Negeri masih dalam tindakan KPKT. Tunggakan hasil sewaan PPR akan dilaporkan di dalam Penyata Ringkas Tunggakan Hasil selepas penyerahan aset pajakan tersebut selesai.

11. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan Kerajaan negeri Perlis pada akhir tahun 2020 adalah stabil berdasarkan perkara seperti berikut:

- 11.1. baki Kumpulan Wang Disatukan pada 31 Disember 2020 meningkat sebanyak RM21.74 juta menjadi RM67.12 juta;
- 11.2. kutipan hasil pada tahun 2020 menurun sebanyak RM37.59 juta atau 24.8% menjadi RM113.70 juta. Bagaimanapun perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan menurun sebanyak RM29.89 juta menjadi RM175.99 juta;
- 11.3. Akaun Hasil Disatukan mencatatkan defisit berjumlah RM18.99 juta pada tahun 2020. Defisit meningkat sebanyak RM17.74 juta atau 1,419.2% berbanding defisit RM1.25 juta pada tahun 2019. Defisit terkumpul Akaun Hasil Disatukan terus meningkat menjadi RM473.86 juta atau 4.2% berbanding RM454.87 juta pada tahun 2019;

11.4. Hutang Awam Kerajaan negeri pada tahun 2020 meningkat sebanyak RM11.32 juta atau 4.2% menjadi RM279.34 juta;

11.5. Tunggakan Bayaran Balik Hutang Awam kepada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2020 meningkat sebanyak RM1.08 juta menjadi RM182.55 juta. Manakala tunggakan bayaran balik pinjaman oleh Agensi Negeri kepada Kerajaan negeri juga meningkat sebanyak RM3.32 juta atau 3.8% menjadi RM91.17 juta; dan

11.6. Akaun Belum Terima atau Tunggakan Hasil menurun sebanyak RM3.23 juta atau 13.7% menjadi RM20.42 juta berbanding RM23.65 juta pada tahun 2019.

12. SYOR AUDIT

Untuk penambahbaikan dalam prestasi kewangan, Kerajaan Negeri Perlis adalah disyorkan mempertimbangkan tindakan seperti berikut:

12.1. berusaha meningkatkan kutipan hasil termasuk menggiatkan usaha bagi mengutip tunggakan hasil dan mengurangkan baki Pinjaman Boleh Dituntut daripada jabatan dan agensi kerajaan terlibat. Dalam masa yang sama, perbelanjaan secara berhemat perlu terus diamalkan;

12.2. mengawal perbelanjaan di bawah Arahan Perbelanjaan 58(a) dengan memastikan bil dikemukakan dengan segera supaya perbelanjaan dapat dibuat dalam tahun bekalan diterima dan tidak menjelaskan peruntukan tahun semasa;

12.3. memastikan akaun deposit yang tidak dituntut selepas tempoh 12 bulan dari tarikh deposit boleh dikembalikan kepada pendeposit, diambil tindakan pewartaan. Sekiranya deposit berkenaan masih tidak dituntut selepas tiga bulan, ia hendaklah dikreditkan ke Akaun Hasil Disatukan sepertimana ketetapan Arahan Perbendaharaan 162; dan

12.4. mengemas kini tatacara dan Prosedur Operasi Standard (SOP) pengurusan dan kewangan bagi Kumpulan Wang Amanah Awam di JAIPs.



BAHAGIAN III

PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

BAHAGIAN III

PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Seksyen 5 (1)(c) Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Agensi Negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Majlis Agama Islam (MAI) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Pengauditan Penyata Kewangan Agensi Negeri dilaksanakan untuk mengesah dan memastikan penyata kewangan bebas daripada kesalahan dan ketinggalan yang material serta memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama berpanduan akta dan piawaian yang diluluskan.
- Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan berdasarkan The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) dan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri.

Apa yang ditemui Audit?

- Setakat 31 Ogos 2021, kesemua enam BBN dan satu PBT serta satu MAI telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 untuk diaudit. Daripada lapan agensi negeri yang telah mengemukakan penyata kewangan, tujuh agensi mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu sebelum atau pada 30 April 2021. Manakala satu PBT mengemukakan penyata kewangan selepas tempoh ditetapkan kerana kesan daripada pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk mengekang penularan pandemik COVID-19.
- Agensi telah memohon pelanjutan tempoh untuk mengemukakan penyata kewangan sehingga 09 Julai 2021 dan telah diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri Perlis.

- Setakat 31 Ogos 2021, hanya dua penyata kewangan agensi negeri telah disemak dan disahkan dengan Pendapat Tanpa Teguran manakala baki empat BBN, satu MAI dan satu PBT sedang dalam proses pengauditan dan belum disahkan. Sehubungan itu, analisis terhadap prestasi kewangan agensi negeri tidak dilaporkan dalam Laporan kali ini.

BAHAGIAN III

PENYERAHAN, PENGESAHAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

FAKTA UTAMA

PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI TAHUN 2020	Bilangan Agensi Negeri	Pengesahan Akaun
	6	Badan Berkanun Negeri
	1	Pihak Berkuasa Tempatan
	1	Majlis Agama Islam

1. PENDAHULUAN

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara mempunyai kuasa untuk mengaudit penyata kewangan agensi negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Agama Islam (MAI). Objektif pengauditan adalah untuk memberikan pendapat terhadap penyata kewangan agensi negeri sama ada penyata ini menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2. PENG AUDITAN PENYATA KEWANGAN

2.1 Pada tahun 2020, Jabatan Audit Negara dikehendaki mengaudit penyata kewangan bagi enam BBN, satu PBT dan satu MAI. BBN ditubuhkan mengikut Akta Tubuh Badan Berkanun Negeri manakala PBT ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). MAI pula ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006.

2.2 Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap penyata kewangan bagi tiga BBN dan MAI manakala baki empat penyata kewangan dilaksanakan oleh Firma Audit Swasta (FAS) yang dilantik. Pelantikan FAS adalah selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 7(3), Akta Audit 1957 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara melantik pihak yang berkebolehan untuk menjalankan pengauditan bagi pihak beliau.

3. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

3.1 Setakat 31 Ogos 2021, kesemua enam BBN, satu PBT serta satu MAI telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 untuk diaudit. Daripada lapan agensi negeri yang telah mengemukakan penyata kewangan, tujuh agensi mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan, iaitu sebelum atau pada 30 April 2021. Manakala satu agensi mengemukakan penyata kewangan selepas tempoh ditetapkan kesan daripada pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk mengekang penularan pandemik Covid-19. Agensi telah memohon pelanjutan tempoh untuk mengemukakan penyata kewangan sehingga 9 Julai 2021 dan telah diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri Perlis. Kedudukan penyerahan penyata kewangan tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1
KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN TAHUN 2020**

BIL.	AGENSI	TARIKH PENYERAHAN
BADAN BERKANUN NEGERI		
1.	Lembaga Pemegang Amanah Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Perlis	12.04.2021
2.	Kumpulan Wang Hadiah Pelajaran Rakyat (Bukan Melayu) Negeri Perlis	12.04.2021
3.	Majlis Sukan Negeri Perlis	30.04.2021
4.	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	30.04.2021
5.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis	30.04.2021
6.	Yayasan Islam Perlis	28.04.2021
MAJLIS AGAMA ISLAM		
1.	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis	30.04.2021
PIHAK BERKUASA TEMPATAN		
1.	Majlis Perbandaran Kangar	06.07.2021

Sumber: Jabatan Audit Negara

3.2. Ketua Audit Negara telah mengeluarkan arahan melalui surat bertarikh 11 Julai 2018 yang menetapkan supaya semua penyata kewangan yang dikemukakan oleh agensi mulai tahun 2019 mestilah lengkap dan *auditable*. Penyata kewangan yang lengkap perlu mengandungi penyata yang ditandatangani oleh Pengurus dan seorang Ahli Lembaga Pengarah (Akaun Induk dan Akaun Kumpulan), pengakuan oleh Pegawai Utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan dokumen sokongan. Kegagalan Agensi untuk mengemukakan penyata kewangan yang lengkap dan *auditable* akan menyebabkan Laporan Ketua Audit Negara tidak dapat dikeluarkan terhadap penyata kewangan berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

4. PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN

4.1. Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia atau Malaysian Accounting Standards Board (MASB) merupakan badan yang bertanggungjawab menerbitkan piawaian perakaunan untuk diguna pakai oleh syarikat bermotifkan keuntungan dan Badan Berkanun Persekutuan seperti yang digariskan di bawah Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PA 3.1. Setakat 1 Januari 2017, piawaian perakaunan yang diluluskan oleh MASB untuk diterima pakai di Malaysia adalah Financial Reporting Standards (FRS)/Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS) dan Malaysian Private Entity Reporting Standards (MPERS).

4.2. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) pula telah mengeluarkan Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) melalui proses tadbir urus seperti yang dinyatakan dalam Ministerial Function Acts 1969 di mana salah satu fungsi JANM adalah menentukan polisi, sistem dan kawalan perakaunan awam selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957. Status pemakaian piawaian perakaunan oleh agensi negeri bagi tahun kewangan 2020 adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
STATUS PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN
OLEH AGENSI BAGI TAHUN KEWANGAN 2020

BIL.	PIAWAIAN PERAKAUNAN	BIL. AGENSI
1.	Malaysian Private Entities Reporting Standards (MPERS)	1
2.	Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS)	7
JUMLAH		8

Sumber: Penyata Kewangan Agensi

5. SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Sijil Ketua Audit Negara mengenai penyata kewangan telah disediakan berdasarkan keperluan The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI). ISSAI menetapkan sebanyak dua jenis Pendapat Audit, iaitu Pendapat Tanpa Teguran dan Pendapat Diubahsuai.

5.1. Pendapat Tanpa Teguran

Pendapat Tanpa Teguran menunjukkan Juruaudit berupaya memberikan pendapat yang benar dan saksama terhadap penyata kewangan selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan. Ini termasuklah Juruaudit mempertimbangkan perkara seperti berikut:

5.1.1. Perenggan Penegasan Perkara [Emphasis of Matter (EOM)]

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Sijil Audit yang merujuk kepada perkara yang sesuai dikemukakan atau dinyatakan dalam penyata kewangan, di atas pertimbangan juruaudit mentafsirkan ianya amat penting dan asas kepada pemahaman pengguna penyata kewangan.

5.1.2. Perenggan Hal-Hal Lain [Other Matter (EOM)]

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Sijil Audit yang merujuk kepada perkara selain daripada yang dikemukakan atau dinyatakan di dalam penyata kewangan pada pertimbangan juruaudit, berkaitan dengan pemahaman pengguna mengenai audit, tanggungjawab juruaudit atau Sijil Audit.

5.1.3. Perenggan Perkara Utama Audit [Key Audit Matters (KAM)]

Perenggan Perkara Utama Audit (KAM) merupakan perenggan yang meliputi isu material yang diaudit dan telah dimaklumkan kepada pihak yang bertanggungjawab terhadap tadbir urus. KAM menunjukkan ketelusan dalam pengauditan yang telah dijalankan melalui Sijil Audit.

5.2. Pendapat Diubahsuai

Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion) menunjukkan penyata kewangan tidak menunjukkan keadaan yang benar dan saksama, terdapat salah nyata ketara (material misstatement) atau Juruaudit menghadapikekangan sehingga tidak boleh memberikan pendapatnya. Apabila keadaan ini didapati semasa pengauditan, Juruaudit perlu membuat pertimbangan sama ada ianya material atau/dan pervasif terhadap penyata kewangan dan keperluan melaporkan Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion) dalam Sijil Ketua Audit Negara. Perkara material atau/dan pervasif adalah asas terhadap Sijil Berteguran, Bertentangan (Adverse) dan Penafian Pendapat (Disclaimer).

5.2.1. Pendapat Berteguran

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat, adalah material tetapi tidak menyeluruh kepada penyata kewangan. Pendapat ini dikeluarkan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian atau tiada bukti audit yang mencukupi untuk dijadikan asas pendapat. Juruaudit membuat kesimpulan bahawa kemungkinan kesan daripada salah nyata ke atas penyata kewangan tidak dapat dikenal pasti, berkemungkinan boleh menjadi material tetapi tidak pervasif.

5.2.2. Pendapat Bertentangan

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat, adalah material dan pervasif kepada penyata kewangan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian.

5.2.3. Penafian Pendapat

Pendapat ini dinyatakan oleh juruaudit apabila kesan yang mungkin timbul daripada kekangan skop adalah material dan pervasif di mana bukti audit tidak mencukupi untuk memberi pendapat terhadap penyata kewangan. Juruaudit tidak dapat memberi pendapat sama ada penyata kewangan menunjukkan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan. Selain itu, pendapat penafian turut diberi dalam situasi di mana walaupun juruaudit telah memperoleh bukti audit yang mencukupi mengenai setiap ketidaktentuan, tetapi tidak dapat memberi pendapat terhadap penyata kewangan disebabkan oleh potensi ketidaktentuan berinteraksi dan berkemungkinan kesan kumulatif ke atas penyata kewangan.

5.3. Setakat 31 Ogos 2021, sebanyak dua daripada lapan penyata kewangan agensi negeri bagi tahun 2020 telah diaudit dan dikeluarkan Pendapat Tanpa Teguran. Penyata kewangan tersebut adalah bagi Lembaga Pemegang Amanah Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Perlis dan Kumpulan Wang Hadiah Pelajaran Rakyat (Bukan Melayu) Negeri Perlis. Bagaimanapun empat penyata kewangan BBN, satu MAI dan satu PBT bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 sedang dalam proses pengauditan dan belum disahkan. Bilangan penyata kewangan mengikut jenis Pendapat Audit bagi tahun 2017 hingga 2020 adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
JENIS PENDAPAT AUDIT YANG DIBERIKAN
BAGI PENYATA KEWANGAN AGENSI BAGI TEMPOH TAHUN 2017 SEHINGGA 2020

BIL.	JENIS PENDAPAT AUDIT	TAHUN KEWANGAN			
		2017	2018	2019	2020
1.	Pendapat Tanpa Teguran	6	4	6	2
2.	Pendapat Tanpa Teguran dengan <i>Emphasis of Matter</i>	0	0	0	-
3.	Pendapat Berteguran	2	4	2	-
4.	Pendapat Bertentangan	0	0	0	-
5.	Penafian Pendapat	0	0	0	-
JUMLAH		8	8	8	2

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2017 – 2020

5.4. Sebanyak lima penyata kewangan agensi negeri bagi tahun berakhir **31 Disember 2019** tidak dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan Negeri Perlis Tahun 2019 yang dibentangkan di Parlimen pada 5 November 2020. Perkara ini disebabkan pelaporan dibuat setakat 31 Ogos 2020 dan pada ketika itu, penyata kewangan tersebut masih belum selesai diaudit/disijilkan. Status Sijil Ketua Audit Negara bagi lima penyata kewangan agensi tersebut ialah tiga telah dikeluarkan Pendapat Tanpa Teguran dan dua telah diberikan Pendapat Berteguran. Penyata kewangan agensi yang diberikan Pendapat Berteguran bagi tahun kewangan 2019 adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
PENYATA KEWANGAN AGENSI YANG DIBERIKAN
PENDAPAT BERTEGURAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2019

BIL.	AGENSI	RINGKASAN ASAS KEPADA PENDAPAT BERTEGURAN
1.	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (PKENPs)	<ul style="list-style-type: none"> i. Terdapat dua bidang tanah dalam Hartanah, Loji dan Peralatan dengan nilai buku bersih berjumlah RM0.56 juta yang telah dijual dan ditukar hak milik pada tahun 2018 tetapi belum dibuat pelarasan. Perkara ini telah menyebabkan baki Hartanah, Loji dan Peralatan telah terlebih dinyatakan sejumlah RM0.56 juta. Selain itu, tiga bidang tanah milik PKENPs di Mukim Kurong Batang, Mukim Jejawi dan Mukim Paya tidak direkodkan dalam Penyata Kewangan PKENPs. Nilai ketiga-tiga tanah tersebut tidak dapat dikenal pasti. ii. Projek Kedai Pejabat di Mukim Kuala Perlis bernilai RM8.76 juta yang sepatutnya dikelaskan sebagai Inventori dan Projek UTC bernilai RM0.65 juta yang sepatutnya dikelaskan sebagai Pelaburan Hartanah. Pelarasan tidak dibuat untuk kedua-dua projek yang telah siap pada tahun 2019. Perkara ini menyebabkan baki Inventori dan Pelaburan Hartanah telah terkurang dinyatakan masing-masing sejumlah RM8.76 juta dan RM0.65 juta serta baki Pembangunan Hartanah terlebih nyata sejumlah RM9.41 juta. iii. Empat Pendahuluan kepada Syarikat Subsidiari berjumlah RM5.46 juta yang sepatutnya dinyatakan sejumlah RM5.86 juta. Perkara ini disebabkan oleh perbezaan baki <i>inter-company</i> di antara Penyata Kewangan PKENPs dengan Penyata Kewangan Beraudit Syarikat Subsidiari sejumlah RM0.40 juta. Ini menyebabkan baki Aset Semasa telah terkurang dinyatakan dengan jumlah yang sama. iv. Pelaburan dalam syarikat subsidiari iaitu Perlis Comm Sdn. Bhd. dengan nilai pelaburan bersih berjumlah RM0.25 juta sepatutnya dinyatakan sejumlah RM0.51 juta seperti mana yang direkodkan di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Ini menyebabkan baki Pelaburan di dalam Entiti Dikawal dan keuntungan terkumpul telah terkurang dinyatakan sejumlah RM0.29 juta. v. Pelaburan dalam Perlis Concrete Products Sdn. Bhd. dengan nilai pelaburan bersih berjumlah RM1.69 juta sepatutnya dinyatakan sejumlah RM1.90 juta seperti mana yang direkodkan di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Ini menyebabkan baki Aset Kewangan Lain dan keuntungan terkumpul telah terkurang dinyatakan sejumlah RM0.21 juta. vi. Baki Akaun Belum Bayar Bagi Urus Niaga Pertukaran berjumlah RM11.99 juta adalah termasuk dua jenis Pelbagai Pemiutang iaitu Cukai Taksiran Belum Berbayar dan Cukai Tanah Belum Berbayar masing-masing berjumlah RM3.35 juta dan RM1.17 juta. Amaun Pelbagai Pemiutang tersebut sepatutnya dinyatakan sejumlah RM4.49 juta bagi Cukai Taksiran Belum Berbayar dan RM1.58 juta bagi Cukai Tanah Belum Berbayar. Perkara ini disebabkan oleh perbezaan baki di antara lejar am dengan jadual terperinci pembayaran PKENPs masing-masing sejumlah RM1.14 juta bagi Cukai Taksiran Belum Berbayar dan RM0.41 juta bagi Cukai Tanah Belum Berbayar. Ini menyebabkan baki Akaun Belum Bayar Bagi Urus Niaga Pertukaran telah terkurang dinyatakan sejumlah RM1.55 juta.

BIL.	AGENSI	RINGKASAN ASAS KEPADA PENDAPAT BERTEGURAN
		vii. Baki Pendahuluan daripada Entiti Dikawal berjumlah RM0.60 juta adalah termasuk baki Terhutang PKENPs kepada Pens Industries Sdn. Bhd. sejumlah RM0.50 juta. Amaun Pendahuluan tersebut sepatutnya dinyatakan sejumlah RM0.60 juta. Kesilapan perekodan transaksi Pendahuluan ini menyebabkan baki Pendahuluan daripada Entiti Dikawal terkurang dinyatakan sejumlah RM0.10 juta.
2.	Yayasan Islam Perlis (YIPs)	i. Aset bukan semasa lain yang merangkumi pembiayaan bagi Motel Al-Kauthar dan Projek Pertanian yang berjumlah RM679,710 dan RM260,390 masing-masing telah direkodkan sebagai belanja di dalam Penyata Prestasi Kewangan tahun semasa. Amaun-amaun ini adalah merupakan pembiayaan modal yang perlu diiktiraf sebagai Aset Pelaburan Hartanah dan Aset Biologi masing-masing. ii. Penyata kewangan tidak disatukan bagi subsidiari YIPs Services Sdn. Bhd. dalam tahun semasa.

Sumber: Jabatan Audit Negara

6. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

Akta Badan Berkanun 1980 dan Enakmen Penubuhan Badan Berkanun Negeri telah menetapkan bahawa penyata kewangan agensi yang telah diaudit berserta pendapat Ketua Audit Negara hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Manakala bagi Pihak Berkuasa Tempatan, Akta Kerajaan Tempatan 1976 menghendaki satu salinan penyata kewangan dan pendapat yang dikeluarkan oleh Ketua Audit Negara dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan seterusnya dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Sebanyak tujuh penyata kewangan tahun 2019 yang telah disahkan oleh Ketua Audit Negara telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Perlis manakala penyata kewangan Majlis Sukan Negeri Perlis tidak dibentangkan di Dewan Undangan Negeri kerana tidak dikehendaki oleh Akta Tubuh. Setakat 31 Ogos 2021, penyata kewangan tahun 2019 yang telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri adalah seperti dalam **Jadual 5**.

**JADUAL 5
PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN TAHUN 2019
DI DEWAN UNDANGAN NEGERI SETAKAT 31 OGOS 2021**

BIL.	AGENSI NEGERI	TARIKH PEMBENTANGAN	
		DEWAN UNDANGAN NEGERI	
PENYATA KEWANGAN 2019			
BADAN BERKANUN NEGERI			
1.	Lembaga Pemegang Amanah Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Perlis	08.12.2020	
2.	Kumpulan Wang Hadiah Pelajaran Rakyat (Bukan Melayu) Negeri Perlis	08.12.2020	
3.	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	08.12.2020	
4.	Yayasan Islam Perlis	08.12.2020	
5.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis	08.12.2020	

BIL.	AGENSI NEGERI	TARIKH PEMBENTANGAN	
		DEWAN UNDANGAN NEGERI	
PENYATA KEWANGAN 2019			
MAJLIS AGAMA ISLAM			
6.	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis	08.12.2020	
PIHAK BERKUASA TEMPATAN			
7.	Majlis Perbandaran Kangar	08.12.2020	

Sumber: Kertas Perintah Mesyuarat Majlis Dewan Undangan Negeri Perlis yang Ke-14

7. ANALISIS PRESTASI KEWANGAN

Analisis prestasi kewangan agensi yang dilaporkan setiap tahun oleh Jabatan Audit Negara adalah merangkumi prestasi berkaitan pendapatan, lebihan/kurangan pendapatan, aset dan liabiliti. Pada tahun 2021, negara masih berdepan dengan pandemik Covid-19. Keadaan ini telah menjelaskan proses pengesahan penyata kewangan tahun 2020 bagi agensi negeri berikut pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan. Agensi negeri juga telah diluluskan pelanjutan tempoh oleh Pihak Berkuasa Negeri bagi mengemukakan penyata kewangan untuk diaudit, daripada 30 April 2021 kepada 9 Julai 2021. Setakat 31 Ogos 2021, hanya dua penyata kewangan agensi negeri yang telah disahkan manakala enam penyata kewangan agensi negeri yang lain masih dalam proses pengauditan dan belum disahkan. Sehubungan itu, analisis terhadap prestasi kewangan agensi negeri tidak dilaporkan dalam Laporan kali ini memandangkan analisis bagi dua agensi sahaja tidak dapat memberi gambaran sebenar berkaitan kedudukan kewangan agensi negeri secara keseluruhan.

8. RUMUSAN AUDIT

Setakat 31 Ogos 2020, hanya dua penyata kewangan agensi negeri telah disemak dan disahkan dengan Pendapat Tanpa Teguran manakala baki empat BBN, satu MAI dan satu PBT sedang dalam proses pengauditan dan belum disahkan.

9. SYOR AUDIT

Kerjasama semua peringkat di agensi negeri termasuk pemantauan yang efektif di peringkat Perbendaharaan Negeri akan memastikan penyediaan penyata kewangan memenuhi piawaian perakaunan. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan perkara seperti berikut:

- 9.1. agensi negeri perlu mengemukakan penyata kewangan yang lengkap dan *auditable* mengikut tempoh ditetapkan. Penyata kewangan yang lengkap perlu mengandungi penyata yang ditandatangani oleh pengerusi dan seorang ahli Lembaga Pengarah (Akaun Induk dan Akaun Kumpulan), pengakuan oleh pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan dokumen sokongan; dan
- 9.2. agensi negeri perlu memastikan penyediaan penyata kewangan selaras dengan piawaian perakaunan yang berkuat kuasa.



BAHAGIAN IV

PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN NEGERI

RINGKASAN EKSEKUTIF

BAHAGIAN IV **PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN NEGERI**

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Pengauditan pematuhan jabatan negeri dilaksana terhadap sesuatu bidang utama audit (*key audit area*)/kawalan pengurusan kewangan berdasarkan *risk profiling* yang dilakukan terhadap setiap jabatan negeri.
- Pengauditan pematuhan dilaksanakan terhadap empat perkara melibatkan dua jabatan seperti berikut:
 - Kutipan Hasil Bayaran Nikah, Cerai dan Rujuk, Terimaan Akaun Amanah Pendidikan Islam Negeri Perlis serta Terimaan Akaun Amanah Pemantapan Pentadbiran Keluarga Islam Perlis di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis (JAIPs); dan
 - Perolehan Perkhidmatan Penasihat Teknikal Program Perlis Marathon Tahun 2020 di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis (PSUK).

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Pengauditan pematuhan jabatan negeri dilaksana untuk menentukan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan kewangan yang ditetapkan dan berkuat kuasa serta rekod berkaitan telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.

Apa yang ditemui Audit?

- **Kutipan Hasil Bayaran Nikah, Cerai dan Rujuk**
 - kutipan hasil tidak diwartakan berjumlah RM186,330;
 - Denda Perkahwinan Luar Negara Tanpa Kebenaran berjumlah RM115,000 tidak dapat dikutip; dan
 - Denda Perkahwinan Poligami Tanpa Kebenaran berjumlah RM22,000 tidak dapat dikutip.
- **Terimaan Akaun Amanah Pendidikan Islam Negeri Perlis**
 - terimaan sejumlah RM91,903 tidak diperakaunkan ke dalam akaun bank Kerajaan Negeri; dan

- terimaan yuran pengajian sejumlah RM9,732 tidak berada dalam simpanan fizikal di Tadika Islam Perlis dan tidak diakaunkan sebagai hasil Kerajaan.

- **Terimaan Akaun Amanah Pemantapan Pentadbiran Keluarga Islam Perlis**

- terimaan sejumlah RM90,400 tidak diperakaunkan ke dalam akaun bank Kerajaan Negeri.

- **Perolehan Perkhidmatan Penasihat Teknikal Program Perlis Marathon Tahun 2020**

- kajian pasaran terhadap kaedah perolehan dan penilaian terperinci bagi harga tawaran tidak dibuat untuk perolehan Rundingan Terus berjumlah RM830,000;
 - pembayaran terhadap bekalan yang tidak disokong dengan dokumen pengesahan penerimaan barang berjumlah RM436,555;
 - bayaran terhadap bekalan yang tidak diterima berjumlah RM281,067; dan
 - bayaran bagi perbelanjaan yang tiada perincian dalam kontrak berjumlah RM35,588.

BAHAGIAN IV

PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN NEGERI

1. PENGENALAN

1.1. Mulai tahun 2019, pengauditan pematuhan terhadap Kementerian/Jabatan/Agensi Persekutuan dan Negeri diperkenalkan sebagai pendekatan baharu yang merangkumi penyata kewangan dan pengurusan kewangan selaras dengan The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) 4000 dan 4100. Pengauditan ini memberi tumpuan secara mendalam kepada sesuatu bidang utama audit (key audit area)/kawalan pengurusan kewangan berdasarkan *Risk Profiling* yang dilaksanakan terhadap setiap jabatan/pejabat dan agensi negeri. Pengauditan pematuhan ini menggunakan pendekatan 3P1K, iaitu mengenal pasti elemen pembaziran, pemborosan, pembayaran tidak teratur dan kerugian wang awam.

1.3. Pada tahun 2020, sebanyak empat pengauditan pematuhan telah dilaksanakan terhadap dua jabatan/pejabat negeri seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
SENARAI PENGAUDITAN PEMATUHAN TAHUN 2020

BIL.	TAJUK PEMATUHAN	JABATAN NEGERI
1.	Kutipan Hasil Bayaran Nikah, Cerai dan Rujuk	
2.	Terimaan Akaun Amanah Pendidikan Islam Negeri Perlis	• Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis
3.	Terimaan Akaun Amanah Pemantapan Pentadbiran Keluarga Islam Perlis	
4.	Perolehan Perkhidmatan Penasihat Teknikal Program Perlis Marathon Tahun 2020	• Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis

Sumber: Jabatan Audit Negara

1.4. Pemilihan dibuat berdasarkan terimaan dan perbelanjaan jabatan yang utama dan berisiko tinggi.



PENGAUDITAN PEMATUHAN

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PERLIS

- **KUTIPAN HASIL BAYARAN NIKAH, CERAI DAN RUJUK**

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PERLIS

1. KUTIPAN HASIL BAYARAN NIKAH, CERAI DAN RUJUK

FAKTA UTAMA

HASIL BAYARAN NIKAH, CERAI DAN RUJUK

RM186,430 Hasil Sebenar Tahun 2020

RM241,060 Hasil Sebenar Tahun 2019

1. LATAR BELAKANG

1.1. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis (JAIPs) ditubuhkan untuk membantu melaksanakan dasar-dasar yang ditetapkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis serta Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs). Kutipan hasil di JAIPs terdiri daripada Hasil Bukan Cukai, Sumbangan daripada Kerajaan Persekutuan, Negeri dan orang awam serta terimaan hasil-hasil lain melalui Akaun Amanah. Antara hasil dan terimaan yang diuruskan oleh JAIPs adalah kutipan Bayaran Nikah, Cerai dan Rujuk yang dilaksanakan oleh Bahagian Pentadbiran Undang-Undang Syariah.

1.2. Pada tahun 2020, jumlah kutipan hasil bagi Bayaran Nikah, Cerai dan Rujuk adalah berjumlah RM186,430 dan butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
KUTIPAN HASIL BAYARAN NIKAH, CERAI DAN RUJUK PADA TAHUN 2020

BIL.	PERIHAL	JUMLAH (RM)
1.	Bayaran Pendaftaran Nikah Luar Negara	82,420
2.	Pendaftaran Rujuk/Cerai/Nikah	37,015
3.	Bayaran-Bayaran Perkhidmatan yang Lain	49,520
4.	Bayaran Permohonan Kebenaran Berkahwin	14,040
5.	Jualan Salinan Sijil Nikah/Cerai Orang Islam	3,435
JUMLAH		186,430

Sumber: Laporan Terperinci Transaksi Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis – Tunai

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan bagi menentukan sama ada kutipan hasil dilaksanakan dengan teratur selaras dengan undang-undang dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan pematuhan telah dijalankan terhadap 100% transaksi terimaan bagi Bayaran Nikah, Cerai dan Rujuk di Bahagian Pentadbiran Undang-Undang Syariah (BPUS), JAIPs bagi bulan Januari hingga Disember 2020 berjumlah RM186,430.

3.2. Kaedah pengauditan meliputi semakan laporan hasil bukan cukai, minit mesyuarat, fail, rekod kewangan serta rekod perakaunan dan dokumen lain yang berkaitan. Analisis data, lawatan fizikal di BPUS dan temu bual turut diadakan bersama pegawai yang bertanggungjawab untuk mendapatkan penjelasan lanjut.

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan pada bulan Disember 2020 hingga Februari 2021 dan Pemerhatian Audit telah dikeluarkan pada 30 Julai 2021. Maklum balas daripada JAIPs diterima pada 17 Ogos 2021 dan Mesyuarat Penutup telah diadakan pada 8 September 2021. Penjelasan lanjut bagi penemuan Audit berbangkit adalah seperti di perenggan berikut:

4.1. Kutipan Hasil Tidak Diwartakan Berjumlah RM186,330

4.1.1. Seksyen 135(3)(g) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2006 Negeri Perlis menyatakan bahawa Duli Yang Maha Mulia Raja Pemerintah, atas nasihat Majlis, boleh, melalui pemberitahuan dalam Warta, membuat kaedah-kaedah bagi maksud Enakmen ini dan boleh mengadakan peruntukan-peruntukan bagi fi yang boleh dikenakan bagi maksud-maksud Enakmen ini. Perenggan 6 Pekeliling Perbendaharaan WP 10.1 mengenai Prosedur Kelulusan Kadar Bayaran pula menjelaskan Pegawai Pengawal adalah diberi kuasa untuk meluluskan kadar bayaran yang disyorkan oleh Jabatan masing-masing dan hendaklah mewartakan kadar yang telah diluluskan itu di bawah Akta Fi 1951.

4.1.2. Semakan Audit mendapati **kadar hasil bagi bayaran proses Nikah, Cerai dan Rujuk tidak ditetapkan melalui Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2006 Negeri Perlis serta tidak diwartakan melalui Akta Fi 1951**. Sehingga tarikh akhir pengauditan pada bulan Februari 2021, kadar pungutan tersebut masih tidak diwartakan. Senarai kadar hasil yang tidak diwartakan adalah seperti dalam **Jadual 2**.

**JADUAL 2
KADAR KUTIPAN HASIL DI JAIPs**

BIL.	JENIS KUTIPAN HASIL	KADAR KUTIPAN (RM)
1.	Kebenaran Nikah Dalam Negeri	5.00
2.	Kebenaran Nikah Luar Negeri	5.00
3.	Salinan Sijil Nikah Luar Negara	20.00
4.	Salinan Sijil Nikah Dalam Negeri	15.00
5.	Salinan Sijil Cerai	20.00
6.	Salinan Sijil Rujuk	10.00
7.	Daftar Nikah Dalam Negeri	15.00
8.	Daftar Semula Nikah Dalam Negeri	15.00
9.	Daftar Nikah Luar Negara	20.00
10.	Daftar Cerai	20.00
11.	Daftar Rujuk	10.00
12.	Proses Nikah Luar Negara (Pemastautin Tetap)	100.00
13.	Proses Nikah Luar Negara (Bukan Pemastautin Tetap)	2,000.00
14.	Kad Nikah (Sepasang)	50.00

Sumber: Bahagian Kutipan Hasil JAIPs

4.1.3. Semakan Audit selanjutnya mendapati bagi tempoh bulan Januari hingga Disember 2020, **JAIPs telah membuat kutipan hasil berkaitan Nikah, Cerai dan Rujuk yang tidak diwartakan berjumlah RM186,330**.

4.1.4. Kadar kutipan ini telah diluluskan dalam Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Perlis (MMKN) Bilangan 22 yang diadakan pada 8 Oktober 2002. Manakala kadar kutipan bagi proses nikah luar negara (pemastutin tetap dan bukan pemastutin) telah diluluskan dalam MMKN Bilangan 241/2014 yang diadakan pada 17 Julai 2014. Bagaimanapun, kadar yang diluluskan tersebut tidak diangkat dan dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Negeri Perlis untuk tindakan pewartaan mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

Maklum Balas JAIPs yang Diterima pada 17 Ogos 2021

Tiada maklum balas dikemukakan oleh JAIPs mengenai pewartaan kadar kutipan hasil.

Pernyataan Audit | **Kutipan hasil yang tidak diwartakan adalah tidak sah di sisi undang-undang.**

4.2. Denda Perkahwinan Luar Negara Tanpa Kebenaran Berjumlah RM115,000 Tidak Dapat Dikutip

4.2.1. Seksyen 12 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Perlis 2006 (Pindaan 2008) menetapkan perkahwinan yang melanggar mana-mana syarat dalam Enakmen ini tidak boleh didaftarkan kecuali dengan pengesahan dan kebenaran daripada pihak Mahkamah Syariah. Seksyen 40(2) menetapkan sekiranya berlaku pelanggaran mana-mana syarat dalam Enakmen, hukuman denda tidak melebihi RM1,000 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali akan dikenakan terhadap pelaku.

4.2.2. Semakan Audit terhadap Daftar Nikah tahun 2020 mendapati 115 fail kes pernikahan luar negara yang melibatkan pemastautin tetap telah didaftarkan oleh JAIPs. Pihak Audit mendapati kes ini telah didaftarkan tanpa mendapat kebenaran daripada Ketua Pendaftar di Bahagian Pendaftaran dan Pengurusan Mahkamah, Mahkamah Syariah terlebih dahulu. Oleh itu, **denda terhadap kesalahan tersebut yang dianggarkan berjumlah RM115,000 tidak dikutip.**

4.2.3. Perkara ini berlaku disebabkan tiada pendakwaan dibuat terhadap kesalahan tersebut oleh JAIPS dan menyebabkan keputusan akhir oleh Mahkamah Syariah terhadap kes perkahwinan yang melanggar peraturan tidak dapat dibuat.

Maklum Balas JAIPs yang Diterima pada 17 Ogos 2021

JAIPs memaklumkan bahawa Seksyen 33(3) menjelaskan Pendaftar boleh, setelah puas hati tentang kebenaran pernyataan-pernyataan yang terkandung dalam permohonan itu, mendaftarkan perkahwinan itu dengan mencatatkan butir-butir mengenainya dalam Daftar Perkahwinan yang ditetapkan bagi maksud ini. Oleh yang demikian, setelah penelitian dibuat oleh Pendaftar dan berpuas hati terhadap dokumen dan keterangan yang diberikan, maka Pendaftar boleh mendaftar perkahwinan tersebut tanpa perlu ke

Mahkamah Syariah. Namun, Pendaftar tidak menghantar dokumen-dokumen tersebut ke Bahagian Penyiasatan dan Pendakwaan. JAIPs mengambil maklum teguran Audit dan tindakan telah diambil dengan menghantar dokumen-dokumen ke pihak Penyiasatan dan Pendakwaan.

Pernyataan Audit	Prosedur pendakwaan yang tidak dijalankan mengikut ketetapan Enakmen menyebabkan kurangan hasil kepada Kerajaan Negeri yang dianggarkan berjumlah RM115,000 apabila denda yang sepatutnya dikenakan tidak dikutip dengan sewajarnya.
-------------------------	---

4.3. Denda Perkahwinan Poligami Tanpa Kebenaran Berjumlah RM22,000 Tidak Dapat Dikutip

4.3.1. Seksyen 23, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Perlis 2006 (Pindaan 2008) menetapkan perkahwinan secara poligami sama ada perkahwinan berlaku dalam Negeri Perlis atau luar Negeri Perlis hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada Mahkamah Syariah terlebih dahulu sebelum didaftarkan. Seksyen 124 pula menetapkan poligami tanpa kebenaran mahkamah boleh dikenakan denda RM1,000 atau penjara enam bulan atau kedua-duanya sekali.

4.3.2. Semakan Audit mendapati 22 kes pernikahan poligami di luar negara telah didaftarkan oleh JAIPs tanpa kebenaran daripada Ketua Pendaftar di Bahagian Pendaftaran dan Pengurusan Mahkamah, Mahkamah Syariah terlebih dahulu. **Anggaran kutipan denda terhadap 22 kes tersebut adalah berjumlah RM22,000.**

4.3.3. Perkara ini berlaku disebabkan tiada penguatkuasaan dan pendakwaan dibuat terhadap kesalahan tersebut oleh JAIPs. Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama (KPPA) di bawah Seksyen 79 Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 juga tidak dilantik untuk menjalankan penyiasatan kesalahan-kesalahan di bawah Enakmen ini.

Maklum Balas JAIPs yang Diterima pada 17 Ogos 2021

JAIPs memaklumkan telah melantik KPPA yang baharu bermula 1 Julai 2021 dan pelantikan tersebut akan dimaklumkan pada mesyuarat MAIPs pada bulan September 2021 untuk pengesahan. JAIPs mengambil maklum teguran Audit dan tindakan telah diambil dengan menghantar dokumen-dokumen ke pihak Penyiasatan dan Pendakwaan.

Pernyataan | Prosedur pendakwaan yang tidak dijalankan mengikut Audit ketetapan Enakmen menyebabkan kurangan hasil kepada Kerajaan Negeri yang dianggarkan berjumlah RM22,000.

5. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, berdasarkan skop audit, dapat dirumuskan terdapat kutipan hasil berkaitan Nikah, Cerai dan Rujuk berjumlah RM186,330 telah dibuat tetapi tidak diwartakan melalui Akta Fi 1951. Perkara pewartaan ini belum dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Negeri Perlis. Selain itu, terdapat kehilangan hasil berjumlah RM137,000 melibatkan dua jenis denda yang tidak dapat dikutip. Dua denda ini terdiri daripada denda perkahwinan luar negeri tanpa kebenaran serta denda perkahwinan tanpa kebenaran masing-masing berjumlah RM115,000 dan RM22,000.

6. SYOR AUDIT

JAIPs hendaklah mengambil tindakan penambahbaikan bagi memastikan peraturan kewangan dan enakmen yang berkuat kuasa dipatuhi sepenuhnya seperti berikut:

- 6.1 mewartakan semua kadar hasil yang dikutip mengikut undang-undang yang ditetapkan bagi memastikan hasil tersebut dapat diiktiraf sebagai hasil Kerajaan Negeri secara sah;
- 6.2 menjalankan prosedur penguatkuasaan dan pendakwaan terhadap kesalahan perkahwinan luar negeri dan poligami mengikut ketetapan Enakmen; dan
- 6.3. memastikan pelantikan pegawai dan penurunan kuasa dibuat mengikut kehendak Enakmen dan undang-undang yang berkuat kuasa supaya tindakan perundangan dapat dijalankan dan hasil dapat dikutip sepenuhnya.



PENGAUDITAN PEMATUHAN

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PERLIS

- TERIMAAN AKAUN AMANAH PENDIDIKAN ISLAM
NEGERI PERLIS

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PERLIS

2. TERIMAAN AKAUN AMANAH PENDIDIKAN ISLAM NEGERI PERLIS

FAKTA UTAMA

AKAUN AMANAH PENDIDIKAN ISLAM NEGERI PERLIS

RM2.70 Juta	Terimaan Tahun 2020
RM1.86 Juta	Perbelanjaan Tahun 2020

1. LATAR BELAKANG

Akaun Amanah Pendidikan Islam Negeri Perlis ditubuhkan di bawah Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957 bagi menerima sumbangan wang dan membuat bayaran bagi pengurusan serta program Pendidikan Islam Negeri Perlis yang diuruskan oleh Bahagian Pendidikan, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis (JAIPs). Pengarah JAIPs merupakan Pegawai Pengawal yang mengawal dan mengurus Akaun Amanah ini. Terimaan akaun amanah terdiri daripada pemberian geran Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) serta terimaan bayaran yuran pendidikan. Pada tahun 2020, terimaan dan perbelanjaan Akaun Amanah Pendidikan Islam Negeri Perlis masing-masing berjumlah RM2.70 juta dan RM1.86 juta. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1

KEDUDUKAN AKAUN AMANAH PENDIDIKAN ISLAM NEGERI PERLIS TAHUN 2020

PERKARA	JUMLAH (RM Juta)
Baki Pada 1 Januari	0.73
Terimaan	2.70
Perbelanjaan	1.86
BAKI PADA 31 DISEMBER 2020	1.57

Sumber: Penyata Terimaan dan Bayaran Akaun Amanah Pendidikan Islam Negeri Perlis

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan bagi menentukan sama ada kutipan hasil dan terimaan akaun amanah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan arahan amanah dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan pematuhan terimaan telah dijalankan terhadap Penyata Terimaan dan Bayaran (PTB) Akaun Amanah Pendidikan Islam Negeri Perlis di Bahagian Pendidikan, JAIPs. Sampel yang dipilih adalah sebanyak 100% transaksi kutipan terimaan bagi bulan Januari hingga Disember 2020 berjumlah RM2.70 juta.

3.2. Kaedah pengauditan adalah meliputi semakan laporan, minit mesyuarat, fail, rekod kewangan serta rekod perakaunan dan dokumen lain yang berkaitan. Analisis data, lawatan fizikal di Tadika Islam Perlis (TIPs) dan Bahagian Pendidikan, JAIPs serta temu bual turut diadakan bersama pegawai yang bertanggungjawab untuk mendapatkan penjelasan lanjut.

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan pada bulan Disember 2020 hingga Februari 2021 dan Pemerhatian Audit telah dikeluarkan pada 30 Julai 2021. Maklum balas daripada JAIPs diterima pada 17 Ogos 2021 dan Mesyuarat Penutup telah diadakan pada 8 September 2021. Penjelasan lanjut bagi penemuan Audit berbangkit adalah seperti di perenggan berikut:

4.1. Terimaan Sejumlah RM91,903 Tidak Diperakaunkan ke Dalam Akaun Bank Kerajaan Negeri

4.1.1. Perenggan 12 Arahan Amanah Pendidikan Islam Negeri Perlis menetapkan Pegawai Pengawal Akaun Amanah hendaklah memastikan semua terimaan dan bayaran yang dibuat kepada, dan dari, akaun amanah ini diperakaunkan oleh Bendahari Negeri Perlis.

4.1.2. Semakan Audit terhadap buku resit, rekod kutipan dan rekod murid yang disimpan oleh 15 Tadika Islam Perlis (TIPs) mendapat jumlah terimaan sehingga 31 Disember 2020 adalah berjumlah RM201,082. Bagaimanapun, semak silang terhadap rekod terimaan dalam PTB adalah berjumlah RM109,179. **Terdapat perbezaan sejumlah RM91,903 yang merupakan terimaan pelbagai wang kutipan yuran pengajian murid pada tahun 2020 yang tidak dibankkan dan diperakaunkan.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
TERIMAAN AKAUN AMANAH YANG BERBEZA DAN TIDAK DIMASUKKAN KE BANK

BIL.	PERIHAL KUTIPAN	JUMLAH KIRAAN AUDIT* (RM)	JUMLAH REKOD DI PTB (RM)	PERBEZAAN (RM)
1.	Yuran Makan	84,180	23,446	60,734
2.	Yuran Pengurusan	56,716	45,234	11,482
3.	Yuran Tahunan	18,400	2,945	15,455
4.	Yuran Buku Teks	18,100	18,100	-
5.	Yuran Pakaian Rasmi	11,520	8,250	3,270
6.	Yuran Pakaian Sukan	7,524	7,524	-
7.	Caruman Insuran Murid	3,680	3,680	-
8.	Bayaran Tanda Nama	962	-	962
JUMLAH		201,082	109,179	91,903

Sumber: Rekod Tadika Islam Perlis

Nota: (*) – Jumlah keseluruhan terimaan dan bayaran disemak berdasarkan resit, rekod pelajar dan rekod catatan guru.

4.1.3. Semakan Audit selanjutnya mendapati terimaan yang tidak diakaunkan telah digunakan untuk membayar bil utiliti dan keperluan TIPs secara tunai oleh Guru dan Pembantu Guru TIPs tanpa mengikut peraturan kewangan yang ditetapkan.

4.1.4. Perkara ini berlaku disebabkan hasil kutipan berkenaan dikutip dan disimpan oleh Guru TIPs serta pegawai berkaitan. Selain itu, tiada susulan dibuat oleh penyelia/pegawai atasan untuk memastikan jumlah terimaan tersebut dibankkan dan diakaunkan sewajarnya.

Maklum Balas JAIPs yang Diterima pada 17 Ogos 2021

JAIPs memaklumkan terimaan yang tidak diakaunkan telah direkod dalam Buku Rekod Kewangan TIPs dan digunakan untuk membayar keperluan makan dan minum murid, tanda nama murid, bahan bantu mengajar, pemberian kecil, aktiviti dan program TIPs secara tunai.

JAIPs akan menyusun semula perjawatan berdasarkan keperluan, menyediakan garis panduan, tatacara atau prosedur kerja yang lengkap tentang pengurusan kewangan supaya semua kutipan dan terimaan diuruskan mengikut arahan dan peraturan yang ditetapkan.

Pernyataan Audit | **Kutipan yang tidak dibankkan adalah menyalahi peraturan dan mendedahkan kepada risiko kehilangan wang awam. Bayaran yang dibuat tanpa kelulusan dan tidak mengikut peraturan kewangan merupakan pembayaran tidak wajar.**

4.2. Terimaan Yuran Pengajian Sejumlah RM9,732 Tidak Berada Dalam Simpanan Fizikal Di TIPs dan Tidak Diakaunkan Sebagai Hasil Kerajaan

4.2.1. Arahan Perbendaharaan 126 menghendaki terimaan yang tidak sempat dimasukkan ke dalam bank pada hari kutipan dibuat hendaklah disimpan dengan selamat, iaitu semua wang tunai yang diterima oleh pejabat awam hendaklah disimpan dalam peti besi atau bilik kebal dengan seberapa segera yang boleh. Sekiranya pejabat yang tidak mempunyai peti besi, wang pungutan hendaklah disimpan di Perbendaharaan atau balai polis dengan mematuhi semua peraturan berkaitan.

4.2.2. Semakan semasa lawatan fizikal Audit pada 22 November 2020 di TIPs Al-Islahiah, Behor Mali mendapati rekod kutipan yuran pengajian sehingga tarikh lawatan adalah berjumlah RM4,513. Bagaimanapun, hanya sejumlah RM1,334 yang dikemukakan kepada pihak Audit semasa pemeriksaan dijalankan. **Baki RM3,179 wang tunai gagal dikemukakan untuk pemeriksaan dan pengesahan Audit.** Pihak Audit dimaklumkan, wang kutipan tersebut telah disimpan dalam akaun bank peribadi milik pegawai yang bertanggungjawab mengurus kutipan ini.

4.2.3. Semakan semasa lawatan fizikal Audit selanjutnya pada 14 Disember 2020 di TIPs Al-Amin Bestari mendapati rekod kutipan yuran pengajian sehingga tarikh lawatan adalah berjumlah RM6,553. Bagaimanapun, kesemua wang tunai fizikal tersebut didapati tidak disimpan di TIPs. **Wang tunai berjumlah RM3,800 telah disimpan di kediaman peribadi Guru dan RM1,538 hanya dikemukakan semasa pengesahan semula oleh pihak Audit pada 18 Disember 2020. Baki sejumlah RM1,215 masih gagal dikemukakan untuk pemeriksaan dan pengesahan Audit.** Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 3.**

JADUAL 3
PEMERIKSAAN FIZIKAL WANG KUTIPAN
YURAN TADIKA ISLAM PERLIS AL-AMIN BESTARI DAN AL-ISLAHIAH

BUTIRAN	TIPS AL-ISLAHIAH	TIPS AL-AMIN BESTARI	JUMLAH KESELURUHAN (RM)
	JUMLAH (RM)	JUMLAH (RM)	
Baki Wang Mengikut Rekod Buku Resit dan Buku Rekod Guru	4,513	6,553	11,066
(-) Jumlah Wang di Tangan Semasa Pemeriksaan Dijalankan di Premis TIPs	1,334	-	1,334
Perbezaan Baki Fizikal Wang Tunai	3,179	6,553	9,732
Jumlah Fizikal Wang Tunai yang Disimpan di Kediaman Peribadi	-	3,800	3,800
Jumlah Tambahan Wang Fizikal yang Dikemukakan untuk Pengesahan Semula Pada 18.12.2020	-	1,538	1,538
BAKI WANG TUNAI YANG TIDAK DAPAT DISAHKAN	3,179	1,215	4,394

Sumber: Rekod Tadika Islam Perlis dan Jabatan Audit Negara

4.2.4. Pihak Audit turut dimaklumkan semasa temu bual bersama pegawai JAIPs bahawa terdapat keperluan untuk Guru TIPs memegang wang tunai fizikal berkenaan bagi tujuan kelancaran proses perbelanjaan keperluan TIPs. Bagaimanapun, wang fizikal berkenaan telah disimpan oleh Guru berkenaan secara peribadi tanpa mengikut peraturan kewangan yang berkuatkuasa dan tidak diakaunkan sebagai hasil Kerajaan.

4.2.5. Perkara ini berlaku disebabkan tiada kemudahan peti wang tunai dan peti besi yang disediakan oleh JAIPs bagi tujuan penyimpanan selamat wang kutipan. JAIPs juga tidak mengeluarkan sebarang prosedur dan tatacara bagi pengurusan dan penyimpanan selamat wang kutipan pengajian Tadika Islam Perlis.

Maklum Balas JAIPs yang Diterima pada 17 Ogos 2021

Sejumlah RM1,214.80 kutipan dari TIPs Al-Amin Bestari telah diserahkan kepada Bahagian Pendidikan, JAIPs pada 21 Disember 2020 dan telah dibankkan ke dalam Akaun Amanah Pendidikan Islam Negeri Perlis, JAIPs. Manakala sejumlah RM3,178.63 kutipan Yuran Tahunan dan Yuran Pengurusan TIPs Al-Islahiah, Behor Mali telah diserahkan kepada Bahagian Pendidikan, JAIPs pada 18 Disember 2020 serta telah dibankkan ke dalam Akaun Amanah Pendidikan Islam Negeri Perlis, JAIPs.

JAIPs akan memberikan latihan menguruskan perekodan dan perakaunan wang awam kepada semua pegawai, penyelia, guru dan pembantu guru TIPs yang dilantik supaya rekod kewangan diuruskan dengan teratur.

Pernyataan Audit **Kelewatan mengakaunkan wang kutipan dengan segera adalah melanggar peraturan dan mendedahkan kepada risiko kehilangan wang awam.**

5. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, berdasarkan skop audit, dapat dirumuskan terdapat sejumlah RM91,903 terimaan untuk pelbagai wang kutipan yuran pengajian murid yang tidak diperakaunkan ke dalam akaun bank Kerajaan Negeri. Perkara ini disebabkan tiada tindakan pemantauan oleh penyelia/ pegawai atasan. Selain itu, terdapat juga sejumlah RM9,732 terimaan yuran pengajian yang tidak berada dalam simpanan fizikal di TIPs dan berada dalam simpanan peribadi guru. Perkara ini disebabkan tiada kemudahan peti wang tunai dan peti besi disediakan untuk tujuan penyimpanan wang kutipan.

6. SYOR AUDIT

JAIPs hendaklah mengambil tindakan penambahbaikan bagi memastikan arahan amanah dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa dipatuhi sepenuhnya seperti berikut:

- 6.1. menyediakan garis panduan/arahan amanah, tatacara atau prosedur kerja yang lengkap tentang pengurusan wang amanah supaya semua kutipan dan terimaan dapat diurus mengikut arahan amanah, undang-undang dan peraturan yang ditetapkan;
- 6.2. memberi latihan berkaitan perekodan dan perakaunan wang awam kepada semua pegawai yang dilantik supaya rekod kewangan dapat diuruskan dengan tepat dan teratur;
- 6.3. menyediakan kemudahan peti besi bagi memastikan wang tunai yang tidak sempat dibankkan dapat disimpan dengan selamat; dan
- 6.4. pegawai yang bertanggungjawab terhadap kehilangan wang awam perlu dikenal pasti dan diambil tindakan surcaj berdasarkan peraturan yang berkuat kuasa.



PENGAUDITAN PEMATUHAN

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PERLIS

- TERIMAAN AKAUN AMANAH PEMANTAPAN
PENTADBIRAN KELUARGA ISLAM PERLIS

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PERLIS

3. TERIMAAN AKAUN AMANAH PEMANTAPAN PENTADBIRAN KELUARGA ISLAM PERLIS

FAKTA UTAMA

AKAUN AMANAH PEMANTAPAN PENTADBIRAN KELUARGA ISLAM PERLIS

RM70,900	Terimaan Tahun 2020
RM36,304	Perbelanjaan Tahun 2020

1. LATAR BELAKANG

Akaun Amanah Pemantapan Pentadbiran Keluarga Islam Perlis ditubuhkan di bawah seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957 bagi menerima sumbangan wang dan membuat bayaran perbelanjaan bagi pengurusan serta program Pemantapan Pentadbiran Keluarga Islam Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis (JAIPs). Pengarah JAIPs merupakan Pegawai Pengawal yang mengawal dan mengurus akaun amanah ini. Sumber terimaan akaun amanah tersebut adalah daripada terimaan bayaran yuran kursus pra perkahwinan di Negeri Perlis. Pada tahun 2020, jumlah terimaan akaun amanah tersebut berjumlah RM70,900 dan perbelanjaan berjumlah RM36,304. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
KEDUDUKAN AKAUN AMANAH
PEMANTAPAN PENTADBIRAN KELUARGA ISLAM PERLIS TAHUN 2020

PERKARA	JUMLAH (RM)
Baki Pada 1 Januari	0.00
Terimaan	70,900
Perbelanjaan	36,304
BAKI PADA 31 DISEMBER 2020	34,596

Sumber: Penyata Terimaan dan Bayaran Akaun Amanah Pemantapan Pentadbiran Keluarga Islam Perlis

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan bagi menentukan sama ada kutipan hasil dan terimaan akaun amanah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan arahan amanah dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan pematuhan terimaan telah dijalankan terhadap Penyata Terimaan dan Bayaran (PTB) Akaun Amanah Pemantapan Pentadbiran Keluarga Islam Perlis di Bahagian Pentadbiran Undang-Undang Syariah (BPUS). Sampel yang dipilih adalah sebanyak 100% transaksi kutipan terimaan bagi bulan Januari hingga Disember 2020 berjumlah RM70,900.

3.2. Kaedah pengauditan adalah meliputi semakan laporan, minit mesyuarat, fail, rekod kewangan serta rekod perakaunan dan dokumen lain yang berkaitan. Analisis data, lawatan fizikal dan temu bual turut diadakan bersama pegawai yang bertanggungjawab untuk mendapatkan penjelasan lanjut.

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan pada bulan Disember 2020 hingga Februari 2021 dan Pemerhatian Audit telah dikeluarkan pada 30 Julai 2021. Maklum balas daripada JAIPs diterima pada 17 Ogos 2021 dan Mesyuarat Penutup telah diadakan pada 8 September 2021. Penjelasan lanjut bagi penemuan Audit berbangkit adalah seperti di perenggan berikut:

4.1. Terimaan Sejumlah RM90,400 Tidak Diperakaunkan Ke Dalam Akaun Bank Kerajaan Negeri

4.1.1. Perenggan 12 Arahan Amanah Pemantapan Pentadbiran Keluarga Islam Perlis menetapkan Pegawai Pengawal Akaun Amanah hendaklah memastikan semua terimaan dan bayaran yang dibuat kepada, dan dari, akaun amanah ini diperakaunkan oleh Bendahari Negeri Perlis.

4.1.2. Semakan Audit terhadap rekod sijil kehadiran kursus dan senarai kehadiran peserta kursus pra perkahwinan di BPUS mendapat jumlah terimaan sehingga 31 Disember 2020 adalah berjumlah RM161,300. Bagaimanapun, semak silang terhadap rekod terimaan dalam PTB adalah berjumlah RM70,900. **Terdapat perbezaan sejumlah RM90,400 kutipan pada tahun 2020 yang tidak dibankkan dan diperakaunkan.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2.**

JADUAL 2
TERIMAAN AKAUN AMANAH YANG BERBEZA
DAN TIDAK DIMASUKKAN KE BANK SEHINGGA 31 DISEMBER 2020

BIL.	PERIHAL KUTIPAN	JUMLAH KIRAAN AUDIT* (RM)	JUMLAH REKOD DI PTB (RM)	PERBEZAAN (RM)
1.	Yuran Kursus Pra Perkahwinan	161,300	70,900	90,400
	JUMLAH	161,300	70,900	90,400

Sumber: Rekod di BPUS, JAIPs

Nota: (*) - Jumlah keseluruhan terimaan dan bayaran disemak berdasarkan sijil kehadiran kursus dan senarai kehadiran peserta kursus

4.1.3. Semakan Audit selanjutnya mendapati terimaan yang tidak diakaunkan telah digunakan untuk perbelanjaan pengurusan kursus secara tunai dan melalui pembayaran bank tanpa mengikut peraturan kewangan yang ditetapkan.

4.1.4. Perkara ini berlaku disebabkan hasil kutipan berkenaan hanya disimpan dan diurus oleh urusetia kursus pra perkahwinan. Tiada susulan dibuat oleh penyelia/ pegawai atasan untuk memastikan jumlah terimaan tersebut dibankkan dan diakaunkan sewajarnya.

Maklum Balas JAIPs yang Diterima pada 17 Ogos 2021

JAIPs memaklumkan telah melakukan semakan semula jumlah keseluruhan peserta Kursus Pra Perkahwinan Islam dan jumlah keseluruhan perbelanjaan pengurusan kursus pada tahun 2020. Baki bersih wang yang tidak dibelanjakan telah diakaunkan ke dalam bank sewajarnya.

Pernyataan | Kutipan yang tidak dibankkan adalah menyalahi peraturan dan Audit | mendedahkan kepada risiko kehilangan wang awam.

5. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, berdasarkan skop audit, dapat dirumuskan terdapat sejumlah RM90,400 kutipan yang tidak diperakaunkan ke dalam akaun bank Kerajaan negeri. Perkara ini disebabkan tiada tindakan pemantauan oleh penyelia/ pegawai atasan.

6. SYOR AUDIT

JAIPs hendaklah mengambil tindakan penambahbaikan bagi memastikan arahan amanah dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa dipatuhi sepenuhnya seperti berikut:

- 6.1. menyediakan garis panduan/arahan amanah, tatacara atau prosedur kerja yang lengkap tentang pengurusan wang amanah supaya semua kutipan dan terimaan dapat diurus mengikut arahan amanah, undang-undang dan peraturan yang ditetapkan;
- 6.2. memberi latihan berkaitan perekodan dan perakaunan wang awam kepada semua pegawai yang dilantik supaya rekod kewangan dapat diuruskan dengan tepat dan teratur; dan
- 6.3. pegawai yang bertanggungjawab terhadap kehilangan wang awam perlu dikenal pasti dan diambil tindakan surcaj berdasarkan peraturan yang berkuat kuasa.



PENGAUDITAN PEMATUHAN

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS

- PEROLEHAN PERKHIDMATAN PENASIHAT TEKNIKAL PROGRAM PERLIS MARATHON TAHUN 2020

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS

4. PEROLEHAN PERKHIDMATAN PENASIHAT TEKNIKAL PROGRAM PERLIS MARATHON TAHUN 2020

FAKTA UTAMA

PERBELANJAAN PERKHIDMATAN PENASIHAT TEKNIKAL PROGRAM PERLIS MARATHON TAHUN 2020

RM1.14 Juta	Peruntukan Tahun 2020
RM0.53 Juta	Perbelanjaan Tahun 2020

1. LATAR BELAKANG

1.1. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis (PSUK) bertanggungjawab untuk menjalankan urusan pentadbiran dan pembangunan negeri Perlis. Struktur pentadbiran PSUK dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu Bahagian Pengurusan dan Pembangunan. Majlis Sukan Negeri (MSN) adalah salah satu unit di bawah Bahagian Pengurusan yang menguruskan pelaksanaan program Perlis Marathon. Program ini telah dilaksanakan sejak tahun 2015 dan menjadi salah satu medium untuk memperkenalkan negeri Perlis sebagai salah satu destinasi pelancongan sukan.

1.2. Pada tahun 2020, PSUK telah memperuntukkan sejumlah RM1.14 juta bagi perbelanjaan program Perlis Marathon Tahun 2020. Sehingga 31 Disember 2020, baki peruntukan untuk program ini adalah RM605,945. Minit Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri Bil. 5/2021 bertarikh 3 Februari 2021 telah meluluskan pembatalan penganjuran program Perlis Marathon 2020. Butiran perbelanjaan untuk Program Perlis Marathon adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PROGRAM
PERLIS MARATHON 2020 SETAKAT 31 DISEMBER 2020

BIL.	PERIHAL BELANJA	KOD OBJEK SEBAGAI	JUMLAH PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN (RM)	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)	BAKI PERUNTUKAN (RM)
1.	Program Perlis Marathon Tahun 2020	29000	1,140,000	534,055	605,945
JUMLAH			1,140,000	534,055	605,945

Sumber: Rekod Unit Kewangan PSUK

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan bagi menentukan sama ada perolehan perkhidmatan diuruskan mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan serta pembayaran dilaksanakan dengan teratur mengikut peruntukan yang diluluskan.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan melibatkan semakan terhadap prosedur perolehan Penasihat Teknikal dan transaksi bayaran Program Perlis Marathon pada tahun 2020 di Bahagian Khidmat Pengurusan PSUK, Majlis Sukan Negeri Perlis dan Perbendaharaan Negeri Perlis. Sebanyak empat baucar bayaran yang berjumlah RM0.53 juta atau 100% sampel telah dipilih dan disemak berkaitan perbelanjaan program tersebut. Perincian sampel baucar bayaran adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
BAYARAN BAGI PERBELANJAAN PENGURUSAN
PERLIS MARATHON 2020 KEPADA SYARIKAT A SETAKAT 31 DISEMBER 2020

BIL.	NAMA PENERIMA	PERIHAL BAYARAN	NOMBOR BAUCAR/ TARIKH	JUMLAH (RM)
1.	Syarikat A	Pendaftaran Peserta	20ASBB0401697/ 19.05.2020	97,500
2.		Promosi	20ASBB0401698/ 19.05.2020	36,086
3.		Penetapan Laluan	20ASBB0401699/ 19.05.2020	6,500
4.		Hari Acara	20ASBB0401700/ 19.05.2020	393,969
JUMLAH				534,055

Sumber: Baucar Bayaran PSUK

3.2. Kaedah pengauditan meliputi semakan laporan, minit mesyuarat, fail, rekod kewangan serta rekod perakaunan dan dokumen lain yang berkaitan. Analisis data, lawatan fizikal dan temu bual turut diadakan bersama pegawai yang bertanggungjawab untuk mendapatkan penjelasan lanjut.

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan pada bulan November hingga Disember 2020 dan Pemerhatian Audit telah dikeluarkan pada 10 Februari 2021. Maklum balas daripada PSUK diterima pada 23 Februari 2021 dan Mesyuarat Penutup telah diadakan pada 7 Mei 2021. Penjelasan lanjut bagi penemuan Audit berbangkit adalah seperti di perenggan berikut:

4.1. Kajian Pasaran Terhadap Kaedah Perolehan dan Penilaian Terperinci Terhadap Harga Tawaran Tidak Dibuat Untuk Perolehan Rundingan Terus Berjumlah RM830,000

4.1.1. Pekeling Perbendaharaan, PK 7.16 Garis Panduan Rundingan Harga bagi Rundingan Terus, perenggan 2.5 menyatakan bahawa bagi memastikan harga yang dirundingkan adalah munasabah, berpatutan dan mendapat *best value for money*, kajian pasaran hendaklah dibuat bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan sebelum sesuatu rundingan dijalankan.

4.1.2. Pada 28 Januari 2020, PSUK telah menandatangani kontrak dengan syarikat bernombor pendaftaran 1212616-P (Syarikat A) bagi Perkhidmatan Penasihat Teknikal Program Perlis Marathon tahun 2020. Nilai kontrak perkhidmatan tersebut adalah RM0.83 juta dan telah dilaksanakan secara rundingan terus.

4.1.3. Semakan Audit mendapati pihak **PSUK tidak menjalankan kajian pasaran terhadap perolehan perkhidmatan penasihat teknikal program ini sebelum rundingan dijalankan**. Semakan Audit selanjutnya mendapati, pihak PSUK hanya melaksanakan pemilihan tawaran berdasarkan tawaran daripada Syarikat A seperti yang diminitkan dalam Mesyuarat Rundingan Harga pada 7 Januari 2020. Butiran lanjut berkaitan tawaran daripada Syarikat A adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
PILIHAN TAWARAN HARGA OLEH SYARIKAT A KEPADA KERAJAAN NEGERI

BIL.	TAWARAN	PERIHAL TAWARAN
1.	Tawaran Pertama	Kos keseluruhan berjumlah RM1.29 juta dengan mengambil kira keseluruhan kutipan yuran penyertaan diserahkan kepada Kerajaan negeri sepenuhnya.
2.	Tawaran Kedua	Kos keseluruhan berjumlah RM0.83 juta dengan jumlah keseluruhan yuran penyertaan yang dikutip menjadi milik syarikat sepenuhnya.

Sumber: Minit Mesyuarat Rundingan Harga pada 7 Januari 2020

4.1.4. Pihak Audit mendapati perbezaan antara kedua-dua tawaran adalah hanya berkaitan pemilikan kutipan yuran penyertaan tanpa melibatkan perubahan kepada skop perkhidmatan. Tawaran Pertama menjadikan kos keseluruhan berjumlah RM1.29 juta dengan mengambil kira kutipan yuran diserahkan kepada Kerajaan Negeri. Tawaran Kedua pula melibatkan kos yang lebih rendah iaitu berjumlah RM0.83 juta tetapi kutipan yuran keseluruhan akan menjadi milik Syarikat A. Pihak PSUK melalui Mesyuarat Rundingan Harga tersebut telah bersetuju untuk menerima Tawaran Kedua.

4.1.5. Analisis Audit mendapati pelantikan syarikat secara rundingan terus tersebut tanpa melaksanakan kajian pasaran terlebih dahulu tidak memberikan nilai faedah terbaik kepada Kerajaan negeri. Akibatnya, **Kerajaan negeri terpaksa menanggung kos perbelanjaan keseluruhan program yang lebih tinggi berjumlah RM42,990**. Perincian lanjut mengenai perbandingan kos bersih keseluruhan antara Tawaran Pertama dan Tawaran Kedua adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
PERBANDINGAN LEBIHAN BELANJA YANG DITANGGUNG OLEH KERAJAAN NEGERI

BIL.	PERHAL TAWARAN	JUMLAH HARGA TAWARAN KONTRAK (RM) [a]	JUMLAH KUTIPAN (RM) [b]	JUMLAH KOS BERSIH (RM) [c = a-b]
1.	Tawaran Pertama – Jumlah Kutipan Yuran Penyertaan Menjadi Hasil Milik Kerajaan Negeri	1,294,300	507,290*	787,010
2.	Tawaran Kedua – Jumlah Kutipan Menjadi Hasil Milik Syarikat A	830,000	-	830,000
LEBIHAN BELANJA YANG DITANGGUNG OLEH KERAJAAN NEGERI: (TAWARAN KEDUA – TAWARAN PERTAMA)				42,990

Sumber: Minit Mesyuarat Rundingan Harga pada 7 Januari 2020 dan Laporan Kutipan Yuran Perlis Marathon 2020

Nota: * = Jumlah kutipan yuran penyertaan sehingga 29 Februari 2020

4.1.6. Perkara ini berlaku disebabkan jumlah perbelanjaan yang diperuntukkan oleh PSUK untuk pelaksanaan Program Perlis Marathon 2020 adalah RM0.89 juta sahaja. Jumlah tersebut tidak dapat menampung jumlah kos asal Tawaran Pertama, menyebabkan PSUK bersetuju untuk menerima Tawaran Kedua.

Maklum Balas PSUK yang Diterima pada 23 Februari 2021

Pihak PSUK turut memaklumkan bahawa rundingan terus dipohon kerana tempoh masa pelaksanaan dan perancangan adalah singkat (lima bulan). Rundingan terus dibuat atas faktor berikut iaitu syarikat berstatus bumiputera yang beralamat di Negeri Perlis, pengurusan syarikat mempunyai jaringan yang luas dengan pelbagai pihak dalam penganjuran sukan marathon serta syarikat mempunyai pengalaman pengurusan Perlis Marathon 2017, 2018 dan 2019. Selain itu, hasil daripada perkhidmatan yang terbaik diberikan dalam penganjuran program sebelum ini, penggunaan khidmat syarikat yang sama perlu untuk menjamin kualiti penganjuran dapat dikekalkan.

Pihak PSUK memaklumkan tawaran kedua dipilih disebabkan untuk mengurangkan risiko jumlah penyertaan mengikut kategori yang sukar dijangka. Peruntukan tahun 2020 bagi program ini adalah sebanyak RM830,000 sahaja. Jawatankuasa Rundingan Harga berunding untuk mendapatkan harga yang munasabah dan mengikut peruntukan tahun 2020 yang ditetapkan. Pihak PSUK mengambil maklum dan telah merancang untuk melaksanakan perolehan secara tender terbuka pada masa hadapan.

Pernyataan Audit | **Kaedah Perolehan Rundingan Terus dan pemilihan harga tawaran tanpa kajian pasaran serta penilaian terperinci menyebabkan rundingan harga yang dibuat tidak memberikan nilai faedah terbaik atas perbelanjaan yang dibuat oleh Kerajaan negeri.**

4.2. Pembayaran Terhadap Bekalan yang Tidak Disokong dengan Dokumen Pengesahan Penerimaan Barang Berjumlah RM436,555

4.2.1. Arahan Perbendaharaan 99(e) menetapkan baucar bayaran bagi bekalan, perkhidmatan dan kerja hendaklah mengandungi satu perakuan bahawa bekalan, perkhidmatan dan kerja itu telah dilaksanakan dengan sempurna.

4.2.2. Semakan Audit mendapati, walaupun, program Perlis Marathon 2020 telah dibatalkan, namun pihak PSUK tetap perlu membuat pembayaran bagi perkhidmatan dan bekalan yang telah disediakan oleh Syarikat A. Bagaimanapun, pembayaran tersebut telah dibuat **tanpa dokumen pengesahan penerimaan barang berjumlah RM436,555**. Pembayaran dibuat hanya berdasarkan kepada invois dan perakuan oleh Pengarah Majlis Sukan Negeri Perlis (MSNPs). Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
SENARAI BAYARAN BAGI BEKALAN YANG
TIDAK DISOKONG DENGAN DOKUMEN PENGESAHAN PENERIMAAN BARANGAN

BIL.	PERINCIAN BEKALAN	NOMBOR BAUCAR	TARIKH BAUCAR	JUMLAH (RM)
1.	Promosi <ul style="list-style-type: none"> • <i>Outdoor Bunting</i> • <i>Bunting Installation/Dismantle</i> • <i>Designer</i> • <i>Event Video/Editing</i> • <i>Flyers</i> • <i>Logistic For Promotion</i> • <i>Banner (Barricade & Promotion)</i> • <i>Bunting Promotion</i> • <i>Stickers (VIP & Officers)</i> 	20ASBB0401698	19.05.2020	36,086
2.	Penetapan Laluan <ul style="list-style-type: none"> • <i>Route – Plotting For Event & Labour (Setting)</i> • <i>Transport For Route Setting (Before & After Event)</i> 	20ASBB0401699	19.05.2020	6,500
3.	<i>Event Day</i> <ul style="list-style-type: none"> • <i>VIP T-Shirt</i> • <i>Crew T-Shirt</i> • <i>Event T-Shirt</i> • <i>Finisher T-Shirt</i> • <i>Finisher Medal</i> • <i>Winner Plaque</i> • <i>BIB Number</i> • <i>Timing Chip</i> 	20ASBB0401700	19.05.2020	393,969
JUMLAH				436,555

Sumber: Baucar Bayaran PSUK dan Invois Syarikat A

4.2.3. Perkara ini berlaku disebabkan tiada semakan teliti dibuat oleh Bahagian Kewangan dan pembayaran tetap dibuat kepada pihak syarikat walaupun dokumen sokongan yang sepatutnya tidak dikemukakan.

Maklum Balas PSUK yang Diterima pada 23 Februari 2021

Pihak PSUK memaklumkan semua bekalan masih berada di kilang dan stor Puncak Venture disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan yang berkuatkuasa pada tarikh tersebut.

Pernyataan Audit | **Pembayaran terhadap bekalan yang tidak disokong dengan dokumen pengesahan penerimaan adalah bertentangan dengan SPANM Bilangan 7 Tahun 2018.**

4.3. Bayaran Terhadap Bekalan yang Tidak Diterima Berjumlah RM281,067

4.3.1. Arahan Perbendaharaan 99(e) menetapkan baucar bayaran bagi bekalan, perkhidmatan dan kerja hendaklah mengandungi satu perakuan bahawa bekalan, perkhidmatan dan kerja itu telah dilaksanakan dengan sempurna.

4.3.2. Semakan Audit mendapati bekalan barang *T-shirt*, *BIB number*, *timing chip* dan *winner plaque* berjumlah RM281,067 telah dibuat bayaran oleh PSUK pada 19 Mei 2020 melalui dua baucar bayaran, iaitu 20ASBB0101698 dan 20ASBB0101700. Pihak Audit dimaklumkan bahawa barang ini disimpan oleh Syarikat A bagi pihak MSNPs. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada terdapat persetujuan di antara PSUK dan Syarikat A untuk membenarkan syarikat menyimpan barang tersebut bagi pihak MSNPs. Semakan Audit terhadap rekod simpanan barang oleh syarikat dan pemeriksaan fizikal pada 24 November 2020 di premis Syarikat A yang terletak di Kangar, Perlis mendapati **barang tersebut tidak berada di premis syarikat**. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
SENARAI BAYARAN BAGI BEKALAN YANG
TIDAK BERADA DALAM SIMPANAN PIHAK SYARIKAT

BIL.	PERINCIAN BEKALAN	KUANTITI	JUMLAH (RM)
1.	<i>T-shirt</i>	19,900	197,412
2.	<i>BIB number</i>	13,000	25,689
3.	<i>Timing Chip</i>	7,000	55,331
4.	<i>Winner Plaque</i>	100	2,635
JUMLAH			281,067

Sumber: Baucar Bayaran PSUK dan Invois Syarikat A

4.3.3. Semasa Mesyuarat Penutup pada 7 Mei 2021, pihak PSUK memaklumkan pada tarikh lawatan fizikal tersebut barang masih berada di simpanan pihak pembekal dan penghantaran belum dibuat. Perkara ini berlaku disebabkan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan dan Syarikat A tidak mempunyai ruangan stor yang besar untuk penyimpanan.

Maklum Balas PSUK yang Diterima pada 23 Februari 2021

Pihak PSUK memaklumkan semua bekalan tersebut telah dihantar dan disimpan oleh MSNPs serta bilangan kuantiti telah diaudit oleh Unit Audit Dalam PSUK pada 11 Februari 2021.

Pernyataan | Bayaran terhadap bekalan yang tidak diterima adalah Audit bertentangan dengan Arahan Perbendaharaan 99(e).

4.4. Bayaran Bagi Perbelanjaan yang Tiada Perincian dalam Kontrak Berjumlah RM35,588

4.4.1. Perenggan 1(vi) Pekeliling Perbendaharaan PK2.1 menetapkan bahawa Jawatankuasa Spesifikasi hendaklah dilantik oleh Ketua Jabatan bagi menyediakan spesifikasi umum/khusus/teknikal bagi tiap-tiap perolehan yang hendak dibuat. Bagi perolehan perkhidmatan, skop dan spesifikasi perkhidmatan hendaklah dinyatakan dengan jelas dan terperinci.

4.4.2. Semakan Audit mendapati kontrak perjanjian Perkhidmatan Teknikal Program Perlis Marathon 2020 yang disediakan tidak memperincikan butiran perbelanjaan yang boleh dituntut. **Hal ini menyebabkan perbelanjaan berjumlah RM35,588 bagi perkhidmatan yang tidak dilaksanakan dan diperincikan telah dibayar kepada Syarikat A.** Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 7.**

**JADUAL 7
SENARAI PERBELANJAAN YANG TIDAK DIPERINCIKAN
DALAM KONTRAK DAN DITUNTUT BAYARAN OLEH PIHAK SYARIKAT**

BIL.	PERIHAL	JUMLAH (RM)	CATATAN
1.	<i>Registration Support</i>	13,607	Tiada perincian mengenai perkhidmatan teknikal yang dibekalkan bagi tuntutan bayaran ini.
2.	<i>Online/Manual Registration Fees</i>	20,411	Caj tersebut dituntut daripada Kerajaan Negeri dan juga dikenakan kepada setiap peserta semasa membuat bayaran yuran penyertaan.
3.	Membangunkan laman sosial Facebook dan laman web	1,047	Tiada sebarang laman web khas diwujudkan bagi program Perlis Marathon 2020.
4.	Penyenggaraan sistem data pangkalan web	523	Sistem data pengkalan web tersebut merupakan milik syarikat sepenuhnya dan digunakan untuk pendaftaran peserta Perlis Marathon 2020.
JUMLAH		35,588	

Sumber: Baucar Bayaran PSUK dan Invois Syarikat A

4.4.3. Perkara ini berlaku disebabkan tiada pelantikan Jawatankuasa Spesifikasi dibuat untuk membincangkan perkara berkaitan teknikal yang terkandung dalam skop kerja syarikat. Spesifikasi teknikal perkhidmatan program Perlis Marathon 2020 tidak disediakan oleh PSUK sebaliknya spesifikasi teknikal terperinci ini hanya disediakan oleh pihak syarikat sahaja.

Maklum Balas PSUK yang Diterima pada 23 Februari 2021

Pihak PSUK memaklumkan Jawatankuasa Spesifikasi tidak diwujudkan kerana pihak MSNPs merujuk kepada spesifikasi penganjuran lepas yang telah disediakan sejak tahun 2015. Namun begitu, pihak MSNPs mengambil maklum dan akan mewujudkan Jawatankuasa ini pada masa hadapan. Yuran pengurusan yang dicaj kepada Kerajaan Negeri merupakan caj perkhidmatan acara. Manakala, yuran pengurusan yang dicaj kepada peserta merupakan caj untuk pengurusan peserta. Selain itu, kos pembangunan laman *Facebook* ini termasuk kemaskini semua kandungan dalam laman tersebut. Bayaran penyenggaraan pula disebabkan pihak syarikat menanggung kos untuk mengupah kepakaran luar untuk menguruskan laman web.

Pernyataan Audit	Ketiadaan Jawatankuasa Spesifikasi bagi menetapkan skop dan spesifikasi perkhidmatan memberikan risiko kerugian kepada Kerajaan negeri sekiranya perkhidmatan yang disediakan tidak menepati kehendak dan keperluan sebenar.
-------------------------	---

5. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, berdasarkan skop audit, dapat dirumuskan terdapat kaedah perolehan secara rundingan terus untuk kos RM830,000. Perolehan dibuat tanpa kajian pasaran terhadap kaedah perolehan dan penilaian terperinci bagi harga tawaran. Selain itu, terdapat ketirisan berjumlah RM717,622 terhadap dua isu pembayaran yang tidak dapat disahkan. Dua isu tersebut melibatkan bayaran terhadap bekalan tanpa dokumen pengesahan penerimaan serta tanpa bekalan diterima yang masing-masing berjumlah RM436,555 dan RM281,067.

6. SYOR AUDIT

PSUK hendaklah mengambil tindakan penambahbaikan bagi memastikan peraturan kewangan dipatuhi sepenuhnya seperti berikut:

- 6.1. menjalankan kajian pasaran terhadap perolehan bekalan dan perkhidmatan sebelum sesuatu rundingan bagi memastikan harga yang dirundingkan adalah munasabah, berpatutan dan Kerajaan mendapat *best value for money*;

- 6.2. merancang perolehan tahunan dengan teratur secara tender terbuka bagi membolehkan PSUK menerima dan seterusnya dapat menimbangkan tawaran harga terbaik daripada beberapa syarikat;
- 6.3. memastikan pegawai yang bertanggungjawab terhadap pengurusan perolehan menjalankan pengesahan fizikal bagi setiap barang dan perkhidmatan yang dibekalkan untuk memastikan kesempurnaan pembekalan sebelum bayaran dibuat; dan
- 6.4. menubuhkan Jawatankuasa Spesifikasi bagi menetapkan dan memastikan skop spesifikasi perkhidmatan menepati keperluan sebenar serta mengelakkan perbelanjaan sia-sia.



BAHAGIAN V

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

BAHAGIAN V

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

1. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AKTIVITI JABATAN/AGENSI SERTA PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

Mengikut Perkara 107 (2), Perlembagaan Persekutuan, Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Akaun Kerajaan Negeri yang telah diaudit hendaklah dibentangkan segera di Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan Negeri Perlis Tahun 2019 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Perlis pada 8 Disember 2020. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti/Jabatan Tahun 2019 Siri 1 telah dibentangkan pada 25 Ogos 2021.

2. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

Bagi tempoh 1 Ogos 2020 hingga 31 Ogos 2021, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri (Jawatankuasa) telah bermesyuarat sebanyak tiga kali iaitu pada 18 Ogos 2020, 5 November 2020 dan 23 Februari 2021. Perkara yang dibincangkan adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PERKARA YANG DIBINCANGKAN DALAM
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI PERLIS

BIL.	TARIKH	JABATAN/AGENSI NEGERI	PERKARA
1.	18 Ogos 2020	<ul style="list-style-type: none">• Majlis Sukan Negeri Perlis• Majlis Perbandaran Kangar• Yayasan Islam Perlis• Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	<ul style="list-style-type: none">• Penjelasan Jabatan/Agensi mengenai isu-isu yang telah diberikan pendapat berteguran dalam LKAN Tahun 2018 Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Perlis.
2.	5 November 2020	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis	<ul style="list-style-type: none">• LKAN 2018 Siri 2 – Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis – Aktiviti Hartanah Komersial.

BIL.	TARIKH	JABATAN/AGENSI NEGERI	PERKARA
3.	23 Februari 2021	<ul style="list-style-type: none"> • Pejabat Perbendaharaan Negeri Perlis • Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis (JAIPs) • Jabatan Kerja Raya Negeri Perlis (JKR) 	<ul style="list-style-type: none"> • LKAN Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Agenzi Negeri Serta Pengauditan Pematuhan Jabatan Negeri Perlis Tahun 2019; • Penjelasan JAIPs berkenaan Pengauditan Pematuhan Jabatan Negeri – Perbelanjaan Akaun Amanah Kelas Pengajian Al-Quran dan Fardhu Ain dan Perbelanjaan Akaun Amanah Elaun Pegawai Masjid; dan • Penjelasan JKR berkenaan pengauditan pematuhan Jabatan Negeri – Perbelanjaan Penyenggaraan.

Sumber: Jabatan Audit Negara



PENUTUP

PENUTUP

Pada umumnya, tahap penyediaan dan penyerahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis bagi tahun 2020 adalah baik kerana telah dapat diserahkan ke Jabatan Audit Negara untuk diaudit mengikut tempoh yang ditetapkan. Kedudukan kewangan Kerajaan negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 berada di tahap stabil. Kumpulan Wang Disatukan berjumlah RM67.12 juta masih boleh menampung perbelanjaan bagi program/aktiviti/projek Kerajaan negeri. Prestasi dan pengurusan kewangan Kerajaan negeri masih boleh dimantapkan lagi dan disyorkan tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- a. Kerajaan negeri hendaklah mengamalkan perbelanjaan secara berhemat dan mengurangkan tunggakan hasil supaya kedudukan kewangan Kerajaan negeri berada dalam keadaan yang lebih kukuh.
- b. Projek pembangunan hendaklah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi meningkatkan kemakmuran negeri dan kesejahteraan rakyat.
- c. Setiap kementerian/jabatan/agensi negeri perlu memastikan tahap pematuhan yang tinggi terhadap undang-undang dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.
- d. Pegawai pengawal/ketua jabatan/ketua agensi hendaklah mempertingkatkan penglibatan secara *hands on* dalam urusan kewangan, mewujudkan sistem semak dan imbang serta menjalankan pemantauan, pemeriksaan mengejut dan penilaian secara berkala ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai. Selain itu, latihan yang bersesuaian perlu diberi secara berterusan kepada pegawai yang terlibat dalam urusan kewangan.
- e. Jabatan/agensi perlu mempertingkatkan fungsi Unit Audit Dalam (UAD). Antaranya memastikan anggota UAD mendapat latihan dan bimbingan yang secukupnya dan menyediakan perancangan audit tahunan supaya pengauditan dapat dilaksanakan mengikut keutamaan. UAD juga perlu membuat penilaian secara objektif dan bebas, bukan sekadar berkaitan dengan aspek kawalan dalaman, malahan pengurusan risiko dan tadbir urus organisasi. UAD perlu melaporkan penemuan yang signifikan serta mengesyorkan cadangan yang dapat memberi impak kepada organisasi.

**Ketua Audit Negara
Malaysia**

**Putrajaya
22 November 2021**



LAMPIRAN



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI PERLIS
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020 Kerajaan Negeri Perlis, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan serta Penyata Akaun Memorandum bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 16 hingga 33.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Perlis pada 31 Disember 2020 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan *International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting)*.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Kerajaan Negeri Perlis dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Pegawai Kewangan Negeri Kerajaan Negeri Perlis bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Pegawai Kewangan Negeri Terhadap Penyata Kewangan

Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan *International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting)*. Pegawai Kewangan Negeri juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

